



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

PENANGGOHAN MESHUARAT:

Peratoran Meshuarat 18 (1)—(Usul)—

**Peristiwa Burok kapada Tentera Malaysia di-Sabah
pada 29-12-63 [Col. 3773]**

BILL:

The Supply Bill, 1964—

Committee of Supply (Seventh Allotted Day)—

Heads S. 15, S. 66D and S. 67AA [Col. 3777]

**Heads S. 16, S. 17, S. 18; Heads S. 65; S. 66E; S. 67AC
[Col. 3874]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the First Dewan Ra'ayat

Thursday, 2nd January, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister of Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.D.K. (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, DATU MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF, P.D.K. (Jelai).
- „ the Assistant Minister of Rural Development (Sarawak), ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

The Honourable ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
(Krian Laut).

„ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungai Patani).

„ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF
(Kuala Kangsar).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,
P.I.S. (Segamat Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).

„ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).

„ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).

„ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

„ ENCHE' AWANG DAUD BIN MATUSIN (Sarawak).

„ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).

„ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).

„ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG (Sarawak).

„ PENGARAH BANYANG (Sarawak).

„ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

„ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).

„ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).

„ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).

„ ENCHE' DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).

„ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

„ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).

„ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).

„ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).

„ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

„ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).

„ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD
(Kuala Trengganu Utara).

„ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

„ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).

„ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

„ ENCHE' HONG TECK GUAN (Sabah).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN To' MUDA HASSAN (Raub).

„ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).

„ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).

The Honourable ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN (Sarawak).
- „ ENCHE' JHUMAH BIN SALIM (Sabah).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' CHARLES LINANG (Sarawak).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ O. K. K. HAJI MAHALI BIN O. K. K. MATJAKIR, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DUN BIN BANIR, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR (Sarawak).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ABANG OTHMAN BIN ABANG HAJI MOASILI (Sarawak).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, J.P. (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).

The Honourable ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).

- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SONG THIAN CHEOK (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K., J.P.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N.
(Johor Tenggara).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN
IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Dato).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S.
(Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

The Honourable the Minister of Internal Security and Minister of the Interior,
DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.
(Johor Timor).

- „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N.
(Ulu Selangor).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P.
(Larut Selatan).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN (Muar Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).

The Honourable ENCHE' V. DAVID (Bungsar).

- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
- „ ENCHE' HO SEE BENG (Singapore).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LING BENG SIEW (Sarawak).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIM KIM SAN (Singapore).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' PETER J. MOJUNTIN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED, K.M.N. (Kemaman).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

PENANGOHAN MESHUARAT: PERATORAN MESHUARAT 18 (1) (USUL)

PERISTIWA BUROK KAPADA TENTERA
MALAYSIA DI-SABAH PADA 29-12-1963

Tuan Haji Hasan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan terharu saya bangun di-sini memohon izin, Tuan Yang di- Pertua, berdasarkan Fasal 18. Peratoran Meshuarat Majlis Dewan Ra'ayat ini, ia-itu supaya Dewan ini di-tanggohkan bagi membolehkan Dewan ini membahath satu perkara atau satu usul yang tertentu yang bersangkutan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak segera bagi di-bahathkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada pun maksud saya dengan permohonan ini ia-lah menakala mendapat izin dari-

pada Tuan Yang di-Pertua kelak, maka saya akan mengemukakan satu usul yang berbunyi: Bahawa Dewan ini ada-lah mendzahirkan perasaan dukachita yang sangat mendalam atas peristiwa burok yang telah mengorbankan beberapa jiwa dan menchedera parah beberapa orang tentera Malaysia di-Sabah pada 29hb Disember 1963 yang lalu, dan menyesali kechuaian Kerajaan Malaysia kerana senjata² yang di-perlengkapkan kapada tentera² yang terkorban itu nyata tidak chukup memuaskan dan mereka telah tidak di-beri latehan² yang baharu yang sesuai dengan keadaan daerah² dalam negeri² Sabah dan Sarawak itu sebelum mereka di-tugaskan berkawal di-sempadan² yang merbahaya. Dewan ini menyesali bahawa peristiwa burok itu telah berlaku ada-lah juga kerana sikap Kerajaan yang sa-lama ini bagitu perchaya penoh kapada sokongan ketenteraan negeri² asing yang lain dan berhubong dengan peristiwa burok itu Dewan ini dengan tidak

berlengah lagi mendesak kepada Pertubohan Bangsa² Bersatu supaya bertindak tegas dan segera bagi menghindarkan berlaku-nya lagi peristiwa² burok saperti itu demi kepentingan keamanan dunia sa-belah sini.

Tuan Yang di-Pertua, tentu-lah saya tidak akan membahathkan usul ini. Izinkan-lah saya mengemukakan sebab² mengapa usul ini patut di-bahathkan

Mr Speaker: Statement biasa-nya tidak panjang. Kalau pendek, boleh.

Tuan Haji Hasan Adli: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana telah diketahui ia-itu satu peristiwa burok yang boleh menchetuskan satu api peperangan yang dahshat di-sabelah sini telah berlaku pada beberapa hari yang lalu di-dalam kawasan negara Malaysia kita ini. Siapa pun ra'ayat negeri ini yang chintakan perdamaian dan kemerdekaan sangat terharu dengan peristiwa yang telah berlaku itu. Tuan Yang di-Pertua, kebetulan sidang ini maseh bersidang dan begitu juga Pertubohan Bangsa² Bersatu, maka pada fikiran saya elok-lah Dewan ini di-beri satu peluang untuk menunjokkan satu perpaduan atau satu solidaritas untuk mendesak Pertubohan Bangsa² Bersatu supaya boleh bertindak mencheegah persangkitaan yang boleh melibatkan korban yang banyak.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang ngeri ini yang telah berlaku yang telah mengorbankan nyawa perajurit² kita ada-lah satu masaalah yang sa-benar-nya mengenai ramai ra'ayat negeri ini, terutama-nya kepada mereka yang mempunyai keluarga² di-dalam Batalion yang Ketiga itu. Tuan Yang di-Pertua, bukan-lah sa-mata² kerana kebetulan saya mempunyai beberapa orang keluarga dalam batalion itu, maka saya mengemukakan usul ini, tetapi soal kita harus-lah tiap² nyawa sa-orang perajurit kita itu harus di-pertanggung-jawabkan oleh seluroh ra'ayat. Ini-lah sebab²-nya mengapa saya memohon, Tuan Yang di-Pertua, supaya Dewan ini di-benarkan membahathkan usul ini, dan supaya di-dalam perbahathan itu kelak, Men-

teri yang berkenaan akan dapat menerangkan kepada Dewan ini senjata² apa-kah yang telah di-beri kepada mereka itu yang sa-hingga boleh menyebabkan mereka tidak dapat mengawal diri-nya itu.

Mr Speaker: Ahli² Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Haji Hasan Adli telah membuat satu permintaan menurut Peratoran Meshuarat 18 menchadangkan supaya di-tanggohkan Majlis ini untuk membahathkan satu perkara yang tetap hendak di-segerakan dan bagi kepentingan orang ramai. Usul-nya dan kenyataan-nya telah pun di-chakapkan-nya sendiri di-hadapan Majlis ini baharu sa-bentar ini. Jadi ta' payah saya bachakan lagi chadangan-nya itu. Saya berasa dukachita ia-itu saya dapati tidak dapat di-persetujukan tuntutan Ahli Yang Berhormat ini, kerana sunggoh pun perkara ini perkara kepentingan orang ramai, pada fikiran saya tidak berkehendak di-segerakan kira² patut di-tanggohkan Majlis ini kerana membinchangkan-nya, terutama pada masa sekarang ini ia-itu pada masa Majlis ini menimbangkan Undang² Pelajaran tahun 1964, akan tetapi pula saya akan memberi peluang kepada Majlis ini untuk membahathkan masaalah itu apakala kita sampai membahathkan Kepala 16 ia-itu Ministry of External Affairs yang akan kita bahathkan sa-lepas habis sahaja kita membahathkan berkenaan Kementerian Pelajaran.

Saya memberi akuan ia-itu dalam membahathkan Kepala 16—Ministry of External Affairs, saya akan memberi peluang kepada Ahli² Yang Berhormat boleh membahathkan apa² yang telah berlaku dan apa² yang sedang berlaku pada masa ini, sunggoh pun perkara itu sa-tengah-nya termasuk dalam dasar 'am, saya akan memberi peluang kepada Majlis ini membahathkan-nya. Demikian-lah (*Tepok*).

BILL

THE SUPPLY BILL, 1964

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Seventh Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 15, S. 66D, S. 67AA—

Debate resumed on Question :

That the sums of \$256,524,792 for Head S. 15, \$12,701,570 for Head S. 66D, and \$15,785,383 for S. 67AA stand part of the Schedule.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya dalam membahathkan peruntokan wang Kementerian Pelajaran ini, maka suka-lah saya membawa perhatian Dewan ini kepada muka 136, Butiran (3)—Setia-usaha Tetap kepada Kementerian, Tingkatan-tertinggi. Tuan Pengerusi, dalam mengaitkan pegawai ini, suka-lah saya supaya pihak Setia-usaha Tetap ini dapat mengawal dan mengawasi guru² yang ada menyokong parti² Pembangkang dalam negeri ini. Mereka ini menyokong pada parti² Pembangkang, Tuan Pengerusi, sa-takat menyokong, dan tidak begitu active, hanya mereka itu mempunyai pemikiran tersendiri, kerana pemikiran mereka itu tidak-lah sa-chuchok dengan fahaman dan ideology pihak Perikatan, tetapi saya ketahui bahawa guru² yang saya sebutkan tadi telah menjadi kurban politik mereka, telah di-victimized-kan, tertekan dan dibalas dendam kepada mereka itu dan ada di-antara mereka itu yang sengaja di-hantar ka-hulu², kekal-lah mereka ka-hulu² dan tidak dapat bertukar ka-tempat² lain. Maka ini-lah saya minta kepada pihak pegawai ini agar dapat berhubung dengan Pegawai² Pelajaran Negeri supaya mengawasi soal ini, dan menjaga guru² itu daripada di-gunakan-nya, atau pun di-jadikan kurban politik. Wal hal, Tuan Pengerusi, guru² itu tidak-lah begitu active sa-bagaimana guru² yang telah menyokong pihak Perikatan sendiri, tetapi mereka itu kadang² digalakkan, di-kawal dan ada di-antara mereka itu yang mendapat naik pangkat, maka ini tidak-lah adil. Tuan Pengerusi, di-dalam negara yang democracy pada hari ini, maka biar-lah ra'ayat sendiri menggunakan buah fikiran-nya sendiri, maka jangan-lah

di-tekan kepada sa-barang ra'ayat yang menggunakan kebebasan di-dalam negeri democracy dalam negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, kalau di-bandingkan dengan orang², atau pun guru² yang menyokong pihak Perikatan, mereka itu dengan terang² dan tidak segan² menyokong dengan active-nya. Baharu² ini saya telah mendapat satu per-khabaran daripada Sekolah Kebangsaan Rompin, Perak, bahawa bukan hanya guru² itu bersungguh² active dan berterang² menyokong Parti Perikatan, tetapi mereka telah menggunakan segala alat² sekolah yang di-gunakan untuk kerja² parti politik, seperti typewriter dan sa-bagai-nya. Maka ini, Tuan Pengerusi, saya berharap sungguh pun pihak Yang Berhormat Menteri sendiri di-dalam pertanyaannya yang telah di-kemukakan, maka ada jawapan-nya bahawa tidak di-beri kepada guru² mengambil bahagian yang active di-dalam politik, tetapi soal ini berat, Tuan Pengerusi, walau pun perkembangan, walau pun mereka tidak ada mempunyai tauliah kebenaran, tetapi terus-menerus dan oleh sebab perkara ini telah menjadi kerumitan supaya tidak-lah menjadi tekanan perkara yang berat seperti itu, tetapi biar-lah ada timbang rasa—ada timbang rasa supaya guru² yang telah menyokong parti² Pembangkang itu, mereka menyokong sahaja, bukan begitu active, tetapi jangan-lah di-victimized-kan mereka, jangan-lah di-tekan, jangan-lah di-pendam mereka itu, kasehan-lah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, maka saya bawa perkara itu, saya berharap-lah kepada pegawai ini supaya dapat mengawasi dalam soal ini supaya dia dapat berhubung dengan Pegawai Pelajaran di-tiap² Negeri dan pegawai² yang bawah supaya jangan berlaku sa-barang tekanan—victimization kepada guru² yang telah menyokong pada parti² Pembangkang.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak membawa kepada muka 164, butiran 96—Biasiswa, peruntokan wang sa-banyak \$1,764,230. Dalam Pechahan Kepala 2—Biasiswa Kechil Persekutuan. Menyentuh kepada soal ini, Tuan

Pengerusi, saya suka-lah mengshorkan kapada pehak Kementerian ini atau pehak Kerajaan supaya biar-lah peruntukan wang ini lebih besar daripada bantuan yang ada di-dalam muka 164 ini. Kerana, Tuan Pengerusi tahu Yang Berhormat Menteri Pelajaran pun tahu Pegawai² Kerajaan dalam Kementerian ini tahu, Ketua Penasehat Melayu tahu dan saya sendiri tahu, Tuan Pengerusi, bahawa orang² Melayu itu miskin dan derita, terutama sa-kali orang² Melayu di-kampung². Anak² Melayu hanya berharap dengan bantuan dan pertolongan daripada Kerajaan-lah yang mereka dapat meneruskan pelajaran-nya kapada tingkat yang tinggi, tetapi kalau pertolongan itu tidak dapat maka sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, kita telah lihat bagaimana kita sendiri merungut dan tidak puas hati ia-itu tidak berapa bilangan anak² Melayu yang dapat meningkat kapada tingkatan yang tinggi dalam soal pelajaran, Tuan Pengerusi, sekarang ini sekolah hampir hendak buka. Ada ibu bapa yang mengeluarkan ayer mata, Tuan Pengerusi. Kerana apa mereka keluar ayer mata? Kerana mereka sayangkan anak mereka sendiri. Mereka mahu melihat anak mereka itu dapat didekan persekolahan dan dapat ilmu yang sa-sungguh-nya tetapi keadaan mereka yang susah sedikit terpaksa-lah mereka itu bergadai, Tuan Pengerusi, berjual, kerana hendak membeli buku² anak-nya. Alang-kah sedeh-nya, Tuan Pengerusi! Kalau saya berchakap lebih dalam soal ini maka pehak Kerajaan menyangka yang saya chuba hendak membesarkan soal ini, tetapi ini kenyataan, Tuan Pengerusi.

Saya pernah pada tahun sudah pergi ka-Pahang di-kawasan Timbalan Perdana Menteri sendiri; sa-minggu saya mudak naik perahu menemui ra'ayat² di-sana, bagaimana kehidupan mereka, dan bertanya kapada mereka itu bagaimana soal membeli buku² untuk anak² mereka. Mereka mengatakan susah, pendapatan kami hanya \$20-\$30 sabulan tetapi apa hendak buat, sebab kita mahu anak kita pandai dan mahu anak kita belajar sebab itu terpaksa-lah kami bergadai. Ini-lah, Tuan Pengerusi, di-kawasan Timbalan Perdana Menteri sendiri yang beliau menyatakan ra'ayat ma'mor, senang. Tetapi

saya tidak menafikan negara ini ma'mor ada pehak² kapitalis yang ma'mor dan kaya raya hari ini yang menambahkan dan mendirikan rumah², kilang² besar dan sa-bagai-nya, tetapi orang² Melayu ketinggalan di-bela-kang. Maka sebab itu-lah saya berharap Kementerian ini supaya mengambil berat mengukori bagaimana kesusahan orang Melayu di-kampung². Oleh itu saya berharap biasiswa ini bukan hanya patut di-tambah bahkan hendak-lah di-tambah dengan banyak-nya. Biar-lah biasiswa² ini merupakan satu pertolongan dan bantuan kapada anak² Melayu membeli buku² pada tiap² anak Melayu yang miskin dan tidak mampu.

Kalau kita pergi ka-kampung², sa-kali imbas, Tuan Pengerusi, kita akan lihat anak² Melayu yang pergi ka-sekolah dengan kaki ayam, berbaju koyak dan berseluar koyak, dan ada yang termenong. Apa sebab mereka itu termenong? Sebab perut mereka kosong, pagi tidak dapat makan dan minum. Apa yang ada di-rumah, minum tea pun tidak bergula dan bersusu kerana gula mahal pada hari ini, Tuan Pengerusi. Macham mana chara kita hendak memberi bantuan kapada mereka ini, Tuan Pengerusi. Kapada pehak Kerajaan sendiri tidak bersungguh² dalam soal ini, bukan-nya anak orang² Melayu tidak mempunyai otak yang baik, ada, bahkan lebih baik. Tetapi kalau pada kechil-nya tidak di-baja, di-pupok dan di-siram pokok itu masakan ia subur dan berbuah. Bagitu juga orang² Melayu pada hari ini. Maka tidak-lah kita hairan, Tuan Pengerusi, pada hari ini kalau kita lihat penuntut² Melayu yang telah lulus dalam Sijil Pepereksaan Cambridge berbanding dengan anak² orang lain, dan kalau kita melihat bilangan penuntut anak² Melayu di-Universiti Nanyang dan Malaya tidak berapa peratus kalau di-bandingkan dengan bangsa asing. Dalam Technical College berapa bilangan anak² Melayu hari ini, Tuan Pengerusi? Dan di-sekolah tinggi di-luar negeri saperti di-England di-Australia dan sa-bagai-nya berbanding dengan anak² orang asing, jauh ketinggalan anak² Melayu, Tuan Pengerusi. Maka ini-lah kita telah ketinggalan dalam segala jurusan dan sudut

di-dalam negeri kita pada hari ini. Kalau-lah pehak kita hari ini tidak sunggoh² memberi pertolongan kepada anak² kita dari kechil-nya masakan berapa yang dapat lulus pada sekolah tinggi dan Cambridge, berapa yang akan dapat bantuan scholarship, sebab tidak sampai darjah mereka kapada darjah Cambridge. Ini-lah, Tuan Pengerusi, saya harap supaya Kerajaan memandang soal ini dengan berat. Dan saya perchaya kapada orang² asing dalam negeri ini yang telah jadi ra'ayat negeri ini tidak akan merasa iri hati kalau saya berchakap dalam soal ini, minta pertolongan yang lebeh untok orang² Melayu, kerana telah jelas dan terang ukoran-nya pada hari ini penuntut² Melayu yang saya sebutkan tadi berbanding dengan anak² orang asing jauh ketinggalan, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Jangan banyak diulang²kan perkara itu, nanti menghilangkan masa sahaja.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya berharap pehak Kementerian ini dapat memikirkan, dan menimbangkan soal ini supaya peruntokan wang biasiswa itu dapat di-tambah dan sabahagian-nya itu memberi pertolongan² kapada anak² Melayu yang ibu bapa-nya tidak mampu membelikan buku². Kerana, Tuan Pengerusi, jangan-lah di-sangkakan orang Melayu ini baik sangat, atau terlampau sabar, Tuan Pengerusi, ada masa-nya orang Melayu itu ada juga yang panas darah, dan ada masa-nya tidak sabar juga

Mr Chairman: Apa kena mengena sabar itu dengan debate ini.

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Supaya hendak mengingatkan Kerajaan, Tuan Pengerusi, rasa-nya bab itu sudah habis; sekarang saya pergi kapada yang lain, ia-itu pada muka 149 Butiran 368 ia-itu Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Kelantan. Perkara itu kechil, Tuan Pengerusi, tetapi saya pandang berat, kerana baharu² ini di-Sultan Ismail College Kota Bharu, mempunyai Asrama di-sana yang biasa-nya contractor atau pemborong makanan untok penuntut² di-sana itu, dapat menjalan-

kan contract di-situ hanya menghantar tender kapada Pejabat Pelajaran Kelantan, dan tiap² pemborongan dapat-lah peluang menyampaikan permintaan mereka itu. Tetapi sekarang ini, Tuan Pengerusi, baharu² ini dengan peratoran Kementerian Pelajaran baharu² ini ia-itu tiap² pemborongan itu hendak-lah mendaftarkan tender-nya kapada Kementerian Pelajaran sendiri. Saya tidak-lah membangkang soal ini, tetapi apa yang saya bangkitkan dari soal ini ia-itu tidak di-beri kesempatan kapada pemborong itu dengan luas-nya, hanya main² senyap tiba² sipolan itu dapat menjadi pemborong di-sana. Itu tidak patut, kalau hendak di-daftarkan di-Kementerian Pelajaran, mestilah di-beri peluang sa-bulan atau dua, dan masuk iklan itu di-dalam surat khabar dan siapa yang berhajat jadi pemborong di-Sultan Ismail itu dapat-lah menyampaikan permohonan-nya. Tetapi, ini tidak di-jalankan

Mr Chairman: Yang Berhormat berchakap tidak salah, tetapi bila menunjokkan kapada dia punya perkara di-dalam estimate belanjawan ini salah; patut di-tunjokkan peruntokan berkenaan dengan *hostel*, jadi dasar pada *hostel* itu salah, saya tengok pada dasar itu, jadi jangan-lah kelirukan saya. Saya tahu. Boleh chakap sebab ada peruntokan *hostel*² daripada pehak Kementerian itu, tetapi hendak-lah di-chari di-dalam buku itu; jangan tunjok buta sahaja. (*Ketawa*):

Dato' Mohamed Hanifah bin Haji Abdul Ghani: Minta ma'af, Tuan Pengerusi. Dalam soal ini saya sebut tadi ia-itu tidak memberi peluang yang sunggoh² kapada pemohon². Hari ini ada sa-orang pemohon dan permintaannya di-perkenankan. Ada yang terkejut sebab tidak tahu langsung soal ini sebab tidak beri peluang yang luas. Kalau di-beri peluang ada orang yang minta, tetapi tidak mahu-lah kita hari ini melihat, kalau ada sebab sahabat kita suroh hantar permohonan dan kita akan luluskan (*approved*). Ini yang kita tidak mahu. Saya harap kapada Kementerian ini akan dapat memberi peluang yang sa-luas²-nya pada tiap² pemborong itu, supaya jangan mereka itu merasa kechil hati, dan marah pada pentadbiran Pejabat Pelajaran. Tuan

Pengerusi, kami hendak membawa pada muka 165 Dewan Bahasa dan Pustaka peruntukan-nya \$2,317,600. Tuan Pengerusi sa-malam saya menyebut bagaimana kesal-nya saya kepada saudagar² di-bandar², terutama sa-kali Kuala Lumpur ini tidak bersungguh² menulis iklan kedai-nya di-dalam Bahasa Kebangsaan. Walau pun di-tulis, huruf-nya kechil, tetapi bahasa Inggeris, bahasa China dan Bahasa Tamil, besar. Tetapi, orang Eropah pula bersungguh² di-dalam soal ini. Saya harap supaya pehak Kerajaan bersungguh² mendesak mereka itu atau adakan Undang² supaya tiap² kedai itu menulis iklan-nya di-dalam Bahasa Kebangsaan yang betul² dan terang. Main² sa-kerat jalan sahaja tidak jadi, Tuan Pengerusi, dan suka-lah saya menyentoh kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Di-dalam soal ini, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak menudoh apa² dan saya bersama² jugalah dengan rakan² saya yang lain menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah bersusah payah mengeluarkan buku² Melayu yang dapat di-gunakan untuk sekolah² dan lain²-nya, tetapi ada sedikit perkara, Tuan Pengerusi, saya suka mengambil tegoran supaya Pengarah itu dapat bekerjasama menimbangkan pandangan saya ini ia-itu Dewan Bahasa dan Pustaka hanya satakata mengeluarkan buku² Sekolah Rendah, belum lagi Dewan ini mengeluarkan buku² untuk sekolah tinggi, maka itu patut kita berikhtiar, kerana chuma tiga empat tahun lagi target Bahasa Kebangsaan hendak di-jadikan Bahasa Rasmi, dan usaha² ka-arrah menjadikan Bahasa Melayu menjadi Bahasa Rasmi di-dalam negeri ini bukan hanya sa-kadar tutur kata sahaja, bahkan dapat di-gunakan di-dalam persekolahan daripada rendah hingga peringkat tinggi.

Tuan Pengerusi, mustahak-lah supaya Dewan ini mengeluarkan buku² untuk sekolah tinggi, dan apa yang saya tahu pada hari ini kaki-tangan di-dalam Dewan itu maseh kekurangan, maseh ada kekurangan pengalaman, maka saya berharap kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu mengikhtiarkan lagi bilangan² yang dapat berusaha mengeluarkan buku² untuk

sekolah tinggi. Hari ini, Tuan Pengerusi, kita berkehendakkan sunggoh² supaya Kerajaan dapat menggunakan bahasa Melayu di-tingkatan atas hingga kepada tingkatan universiti, maka pada hari ini mustahak-lah Dewan Bahasa dan Pustaka ini menchari kaki-tangan (staff) yang chukup mahir dan berpengalaman yang akan dapat mengeluarkan buku² sekolah tinggi. Maka ini-lah harapan saya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan kepada Yang Berhormat Menteri supaya soal ini menjadi soal yang pertama sa-kali guna bahasa Melayu itu dapat benar² menjadi satu bahasa yang kita agong²kan dan megah²kan yang akan menjadi bahasa rasmi dalam negeri kita sendiri.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi yang hendak saya chakapkan ia-itu dalam persidangan dua tiga hari yang lalu ada Ahli² Yang Berhormat telah menuntut kepada Kerajaan membanyakkan lagi pengajaran bahasa² Inggeris, Tamil dan China. Dalam soal ini, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah menentang pendapat mereka itu, tetapi saya menentang pendapat mereka ia-lah kerana telah nyata tertulis dalam Perlembagaan bahawa bahasa Melayu-lah yang akan menjadi bahasa rasmi sa-lewat²-nya pada tahun 1967, dan kalau pada hari ini maseh ada Ahli² Yang Berhormat chuba hendak membesar²kan soal pelajaran² China, India dan Inggeris masakan pelajaran Melayu dapat meningkat, Tuan Pengerusi. Saya harap kepada sahabat² saya itu biar-lah kita bersama menungkan soal ini untuk kepentingan bersama, untuk kepentingan negara dan untuk kepentingan ra'ayat di-sini. Kalau di-bangkitkan soal yang lama itu, Tuan Pengerusi, yang mana telah pun di-putus dan di-persetujukan bersama saya rasa tidak patut di-ungkit dan di-bicarakan pada hari ini. Kalau di-bicarakan soal itu, Tuan Pengerusi . . .

Mr Chairman: Nampak-nya perkara itu hendak masok pada dasar 'am. Jaga sedikit; saya akan tahan nanti.

Dato' Mohamed Hanifah: Perkara ini di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat; kalau boleh saya hendak berchakap sedikit sahaja.

Mr Chairman: Jangan di-panjangkan.

Dato' Mohamed Hanifah: Sadikit sahaja, Tuan Pengerusi, kerana soal itu di-bangkitkan berulang² jadi orang Melayu berasa dukachita—dukachita sangat kerana orang Melayu telah ketinggalan dalam segala jurusan, sahingga dalam bahasa kebangsaan pun tidak bersama kita hendak membesarkan dan tidak bersama kita hendak memajukan, maka ini-lah saya menyeru kepada sahabat² saya Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini supaya memikirkan soal ini dengan panjang dan penoh keadilan, kerana dengan satu bahasa itu-lah yang akan membawa perpaduan ra'ayat dalam negeri kita. Sa-kian-lah. Terima kaseh.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya hendak memberitahu Majlis ini ia-itu perbahathan di-dalam Kepala 15—Perbelanjaan Kementerian Pelajaran telah memakan masa sampai 3 hari. Di-dalam Jadual yang ada ini kita ada banyak Kepala lagi yang mesti diluluskan di-dalam persidangan kita ini, maka persidangan kita ini akan mengambil masa sampai 8 hariibulan sahaja untuk membahathkan peruntukan ini di-dalam jawatan-kuasa. Jadi, saya merayu-lah kepada tiap² Ahli Yang Berhormat di-dalam Majlis ini—saya harap rayuan saya ini di-terima dengan suchi dan ikhlas—yang pertama-nya, tolong-lah pendekkan chakap itu sadikit, jangan panjang sangat, yang kedua-nya jangan-lah di-ulang² perkara² yang sudah di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam 3 hari dahulu; ini akan meleakaskan sadikit perjalanan Majlis ini supaya hendak di-habiskan segala Kepala² di-dalam Jadual ini.

Che' Ajibah binti Abol (Sarawak): Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Rang Undang² Perbekalan, 1964 adalah di-alu²kan. Tuan, Sarawak sekarang telah menjadi negara Malaysia dan segala apa kemajuan yang telah di-chapai oleh Persekutuan Tanah Melayu ini, maka Sarawak juga tidak mahu ketinggalan dan tidak mahu di-ketepikan. Maka satu daripada perkara yang amat penting dan mesti di-utamakan lebeh dahulu ia-lah pelajaran. Kita sangat² berkehendakkan bahawa tingkatan pelajaran di-Sarawak itu hendak-

lah sama taraf-nya dengan tingkatan pelajaran yang ada di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Jadi dengan yang tersebut kita sangat² berkehendakkan bahawa Pejabat Pelajaran Sarawak hendak-lah di-kelolakan terus di-bawah pentadbiran Kerajaan Pusat Malaysia ini. Kalau tidak di-buat demikian, Tuan Pengerusi, maka sudah tentu mutu pelajaran di-Sarawak itu tidak sa-imbang sama sa-kali dengan mutu atau tingkatan pelajaran di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Erti-nya sunggoh pun Sarawak telah bebas daripada penjajah, tetapi dalam hal masallah pelajaran mereka maseh sa-bagaimana pelajaran yang di-bawah pimpinan penjajah. Maka kalau di-biarkan samakin-lah bertambah burok lagi nasib pelajaran di-Sarawak yang mana akibat-nya nanti akan membawa ra'ayat Sarawak tinggal ka-belakang dalam chara pelajaran dengan Persekutuan Tanah Melayu ini. Kerana kalau-lah Malaya menentukan Bahasa Kebangsaan-nya tetapi di-Sarawak lain pula telatah-nya, ia-itu Bahasa Kebangsaan tidak mendapat keutamaan sama sa-kali, malahan mata pelajaran-nya dalam sekolah rendah hingga ka-sekolah menengah, maka Bahasa Kebangsaan hanya satu daripada mata pelajaran-nya dan akibat-nya sa-hingga anak² kita daripada bangsa Melayu khas-nya atau bangsa bumi putera 'am-nya lebeh petah, lebeh lanchar dan lebeh faseh berbahasa Inggeris, dan ada yang tidak mengindahkan langsung dengan Bahasa Kebangsaan-nya sendiri. Dari itu, Tuan Pengerusi, saya sangat² berharap dan minta perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa hendak-lah dengan segera Pejabat Pelajaran di-Sarawak itu di-tadbirkan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Pengerusi, maka di-sini saya suka juga hendak berchakap berkenaan dengan Bulan Bahasa Kebangsaan di-muka 164 Pechahan Kepala 94. Tuan Pengerusi, Bulan Bahasa Kebangsaan sentiasa di-laong²kan dan Bahasa Kebangsaan untuk menjadi Bahasa Rasmi di-Malaya, kalau saya tidak salah dalam tahun 1967 yang akan datang, dan bagitu juga Sarawak akan menempoh sama saperti di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Jadi, dengan hal yang demikian, Tuan Pengerusi, Sekolah Dewasa atau Kelas Pelajaran Dewasa

bagi Bahasa Kebangsaan itu hendaklah di-adakan di-Sarawak mulai dari sekarang juga. Kerana apabila Sarawak sampai masa-nya menempoh Bahasa Kebangsaan ia-itu menjadi Bahasa Rasmi-nya kelak, maka tidaklah menjadi kekok² lagi bagi ra'ayat-nya menerima-nya ia-itu sama-lah saperti ra'ayat Malaya ini kelak. Jadi sa-bagaimana chontoh-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat-lah dalam Dewan Ra'ayat yang mulia ini ia-itu kalau dalam tahun 1967 kelak Bahasa Kebangsaan telah menjadi Bahasa Rasmi, maka tentu-lah ahli² Dewan ini akan menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam Dewan yang mulia ini, termasuk-lah juga wakil² dari Sarawak, Sabah dan Singapura. Jadi, dengan yang demikian Tuan Pengerusi, maka sekolah² atau kelas² dewasa bagi Bahasa Kebangsaan hendak-lah dari sekarang juga di-adakan di-Sarawak. Sa-kian-lah, Tuan Pengerusi.

Enche' Amadeus Mathew Leong (Sabah): Mr Chairman, Sir, first and foremost, I would like to support the Budget and the allocation provided for this Ministry towards the promotion of education in Sabah. Perhaps, Sir, since Honourable Members in this House have so much interest in the progress of education, I feel like guilty if I were not to bring to the notice of the Honourable Minister concerned in regard to some of the problems facing us in the field of education in Sabah.

Being desirous to come straight to the point, I won't hesitate to say that due to the extreme poverty of the unfortunate people especially in the rural areas and due to the every increasing number of children reaching the schooling age, the authorities concerned always find it a difficult problem to overcome. In the past, we have been trying to get a place in school for every child of schooling age. But due to the financial problem, we have always not been in a position to please and satisfy every deserving case, especially on the question of remission of school fees. Some District Councils, with a view to filling up gaps, have even allocated certain sums from their own local authority funds for this particular purpose. However, some unfortunate

children have to stay back home due to their parents having no possible means to enable them to put their children in school. For this very reason, I would like to touch on Head S. 66-D, Sub-head 13, O.C.A.R. I trust that the Honourable Minister concerned would review and give this item a kind and better consideration.

Mr Chairman, Sir, I would also like to touch on Sub-head 34. I consider this item to be equally important. This is a scheme for providing better opportunities to children to gain education in the far remote kampongs where the inhabitants are still cut off from civilisation and modern type of communications. These Native Voluntary Schools are Government Aided Schools provided especially for the remote areas in Sabah. In grade this type of school is considered to be the lowest. I would also inform the Honourable Minister concerned that some kampongs are still ignorant of what a school is like or what a school is for. I, therefore, would like to appeal to the Honourable Minister concerned to give this item a much more serious consideration as well.

Mr Chairman, Sir, there is another matter of which I would like to remind the Ministry of Education and that is this. When plans are made to the establishment of another University in Malaysia, Sabah and Sarawak, we feel, will not be forgotten. There is already a University in Kuala Lumpur and one in Singapore. Higher Institutes of learning are found nearly in all parts of Malaya. Mr Chairman, Sir, if the States of Sabah and Sarawak are to make enough progress in higher education, then plans for the establishment of a University or a University College in the Borneo States, should be made now. Thank you.

Enche' Lim Joo Kong (Alor Star): Mr Chairman, Sir, the problem of education is a very delicate one and it is of the utmost importance for our young nation. It is a problem which concerns the very well-being and progress of our nation. It concerns ourselves now and our children and also their children's children.

It speaks well for the Alliance Government in the allocation of the colossal sum of \$256½ million, which amounts to 20.5 per cent of our country's total Budget. No one can gainsay the fact that our Estimates for Education is one of the highest in the world and certainly without comparison in Asia. Therefore, on behalf of my constituents, I congratulate the Honourable Minister for his achievements in the past and for his endeavour in the coming year.

Sir, Alor Star has often been referred to as the pet son of the Federation most often by Opposition Parties when they criticise the Alliance Government for alleged favouritism, but, Sir, I am here to refute their wild allegations; and I submit that the facts of the case show a different picture altogether where, among many other things, the facilities for the education of our children in Alor Star, in particular, and Kedah, in general, are concerned.

Sir, in fact, Alor Star has always been treated as a step-child of the Federation, because it is situated too far North away from the Federal Capital, Kuala Lumpur. And I can assure you, Sir, and the Honourable Members of this House that my voice is not one from the wilderness but one that has a genuine and pertinent case to offer.

Please allow me to point out to you some of the more serious things that have been neglected in this rice-growing State Capital, Alor Star. Take for instance, the Sultan Abdul Hamid College, one of the earliest schools in Kedah and the country. It is the only Sixth Form school to serve the whole of Kedah as well as Perlis. It still has the old dirty earth drains as they were there when I was in the school thirty-five years ago. These low earth drains serve as good breeding grounds for mosquitoes and are not only a source of nuisance but also affect the health of the teachers and students.

Sir, I am speaking under Head S. 15, page 160, Sub-head 22, Penyenggaraan Sekolah, Maktab dan Pusat Pelajaran. Not so long ago the staff of the school occupying the two blocks of barrack-

type quarters awoke one early morning to find themselves that they were marooned and they had to paddle to school in improvised wooden tubs. The lighting in the Sultan Abdul Hamid College is so poor that girl students are scared to attend classes, lectures or other lessons at night for fear of crocodiles. Sir, I say "crocodiles", because we do not have wolves in our country. They have to go about in groups and are escorted to school and taken home by their parents or guardians.

There are insufficient teachers so as to admit students into the Lower and Upper Sixth Forms. Recently some very bright students, whose Cambridge results were as good as the total aggregate of seven units for the best three subjects, could not be admitted into the College and were forced to find admission as far as King George V School in Seremban.

There are two national type English secondary schools in Alor Star—that is, the St. Nicholas Convent and the St. Michael's Institution. The facilities are very much worse than those of the Sultan Abdul Hamid College. Their access roads linking the main road are so bad that traffic is often held up, especially during the rainy days, when there is so much difficulty for pupils and students to get to the main road where they could catch their buses.

The only Chinese national type secondary school is the Hwa Keow Middle School and it is actually receiving the treatment of an illegitimate child. Sir, I say this, because before this School was converted into a national type secondary school, the Board of Governors, the Headmaster, and the teachers were given assurances such as, that the School would receive full aid from the Government, the position of the teachers and the Headmaster would be secure and that they would receive better pay and treatment. But, Sir, no sooner after the conversion, the Headmaster's pay was slashed down from \$947 to \$450, while the teachers who were drawing \$400 per month their salaries were cut down to \$185. This has resulted in many good and capable teachers, including

the Headmaster, leaving our secondary schools for good. I understand that they have been engaged by independent secondary schools elsewhere.

Sir, I am afraid that if this state of affairs is not remedied, or corrected, in time we will ultimately find that the standard of teaching in the independent schools much higher and better than that of our national type schools. The Opposition has taken advantage of the grievances of these neglected teachers and schools in attacking and criticising the Alliance education policy. Thus by hoodwinking the people they have managed to capture a few seats for themselves. They are actually cheating themselves as well as misleading the people in stating that our education policy is not a good one.

Mr Chairman: That is irrelevant.

Enche' Lim Joo Kong: Then, I shall say that they have tried to mislead the public. Now, Sir, I wish to refute the allegations made by the Socialist Front Secretary-General, who made a speech in Ipoh accusing the Malayan Chinese Association in helping the Government to kill Chinese education. The cunningness of the Socialist Front can be judged by the fact that on the one hand they champion Chinese education on their political platform, while on the other hand they advocate complete national language education. In their 1959 Election Manifesto, they never uttered the words "Chinese education" at all, but yelled so loudly about Malay education, or education in the national language, and even recommended that studies of the national language should be started even under the trees, if buildings were not available.

Sir, when our country is still short of qualified and competent teachers, and it is likely that we will be in this position for some time to come, due to the fact that we have only just started our faculty in Chinese in the Malayan University last year, it is only fair to suggest that we should allow those teachers, who have been teaching in the past, or those experienced teachers, who are our citizens and available in our country at the moment but whose degrees are not recognised,

because of the legacy of the colonial past, to carry on teaching until such time when we have enough trained teachers to take over. We must give such teachers a chance to train themselves under our teachers' training schemes and then I am sure that most of our problems could be solved without any grievances caused. In fact, Sir, many of our students, who are good citizens and valuable materials of our country, were neglected in respect of their opportunity to enter our University and, therefore, were forced to further their education abroad. Now, after graduation they have found that their degrees are not recognised—and how frustrated they are; and in their discontentment they might instead of being an asset to our country become a liability.

Sir, another thing which I would like to bring to the attention of the Honourable Minister is that in accordance with our education policy—Chapter III, Article 71 (c)—it is stated that English shall be brought into the curriculum in the third year in all Chinese and Tamil primary schools. It does not say that it cannot be taught in the first and second year. Since English is also a compulsory subject, and its use could in some way or other help Chinese pupils to advance the national language by way of spelling and pronunciation, we should not stop it from being taught in the first and second year in the Chinese schools. Moreover, due to failure in English and the national language, 65.6 per cent of the pupils of Chinese schools failed their sixth year examination in 1962. What a terrible loss to this country!

Sir, I feel that the discontinuation of the teaching of English in Standard I and Standard II in Chinese primary schools is a wrong interpretation of the Rahman Talib Report of 1960, and I hope that the Honourable Minister will take into careful consideration my proposals and suggestions, so as not to retard the progress of education in our country and also for the wellbeing of our children and the progress of our country. Thank you.

Enche' Sim Boon Liang (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I have heard some

of my Honourable friends, Honourable Members from Sarawak, touch on education a few days ago. Now, I would like to speak some on this subject too.

Mr Chairman, Sir, Supply Head S. 67AA, Sub-head 11—I wish to ask the Honourable Minister of Education whether or not the grants to school for Sarawak include the grants for free primary education in Sarawak, similar to that in Malaya. Sir, I ask this because this has not been clearly stated.

Sir, as I am from a rural constituency, a Councillor serving in the Mukah District Council, Council Negri, and now a Member of this House, I would fail in my duty if I do not say something on their behalf. Sir, the great majority of the rural people are poor, they cannot even find their daily living, how can they afford to send their children to schools. In order to give every child a chance to receive primary education and to make them to be good citizens of Malaysia in future, free primary education is necessary. Now I would like to know whether the Government will consider giving free primary education for Sarawak, thus giving it the privilege of following the same system of free primary education as in Malaya.

Sir, I understand that there was a growth in the number of juveniles taking to crime, as mentioned in the annual report of the Sarawak Constabulary in 1960. In order to prevent the growth in the number of juveniles taking to crime, I would suggest a three year post primary education with a vocational bias for those who fail to gain places in academic secondary schools, with a view to raising the school leaving age to fifteen, in order to keep off the streets and kampong children, who are neither old enough to work nor equipped to hold a decent job which problem is still unsolved in the rural and urban areas.

Sir, referring to Supply Head 15 on page 159 (Volume I) and Supply Head 66D on page 84 (Volume II), I would like to ask whether there will also be a State Education Board formed in Sarawak. I think it is very necessary,

because we can bring up the views concerning education in Sarawak to assist or to advise the Honourable Minister of Education in Kuala Lumpur.

Now, referring to Supply Head 67AA on page 165 and 166 (Volume II), I would like to touch on Group Supervisors Grade I and II, whose salary scales are similar to that of Teachers Grade I and II. I may say that most of these Group Supervisors are selected by Government from among the best of the experienced teachers. So I would like to suggest that the salary scales for Group Supervisors should be taken into consideration.

Finally, I would like to suggest that Grade IIB Teachers with more than 12 years' experienced service should be given consideration by the Government to promote them to Grade IIA scales because most of them are better than newly trained Teachers.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya mengalu²kan peruntukan kewangan di-bawah Kementerian ini dan sa-telah kita mengikut perlaksanaan atau per-lancharan dasar pelajaran yang daripada tahun 1960 sampai sekarang ini bahawa boleh-lah kita katakan kita akan menchapai kapada matlamat yang sunggo² mengembirakan pada jenerasi kita pada masa yang akan datang. Sa-belum saya masok kapada Kepala² yang saya hendak sentoh di-dalam Kementerian ini, Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak mengatakan kapada wakil Telok Anson, kemudian wakil² lain bagi pehak yang mengatakan bahawa dasar pelajaran yang ada bagi pehak Perikatan patut di-kaji sa-mula atau di-semak untuk di-sesuaikan dengan kemahuan² bagi pehak yang di-suarakan-nya atau yang memberi chontoh satu dua itu, saya rasa tentu-lah bagi pehak kita tidak akan terpengaruh kapada kata² itu.

Mr Speaker: Ada dia chakap itu, saya sudah tegor, saya katakan tidak boleh di-bawa itu. Jadi, tidak payah di-jawab lagi, menghilangkan masa sahaja. Jemput-lah mana² perkara yang tuan hendak chakapkan.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak:

Tuan Pengerusi, terima kasih kerana benda itu sudah di-bangkitkan, maka saya sa-kali menegaskan bahawa dasar yang sedang di-jalankan kami akan menyokong kuat pada perlaksanaan pada masa akan datang. Saya masuk kepada muka 139, Latehan Guru² Sekolah Rendah. Dalam satu² kerja yang hendak di-jalankan di-dalam hal pelajaran ini, yang pertama sa-kali hendak-lah kita menitik-beratkan hal latehan guru². Kalau latehan itu tidak di-jalankan dengan baik, saya rasa kita tidak dapat menyampaikan pelajaran² yang baik daripada segi apa juga. Saya dapati dalam hal ini saya harap bagi pehak Menteri Pelajaran dapat menyelidiki kerana perimbangan di-pusat² latehan dengan pensharah²-nya belum betul. Saya boleh chontohkan ada pusat latehan mempunyai dua unit pelajaran daripada murid² China, ada 4 unit daripada guru² Melayu, di-unit yang di-hantar murid² China tadi mendapat 4 pensharah² yang penoh, tetapi di-unit yang di-ajar pada murid² Melayu, dia ada mempunyai satu sahaja pensharah-nya, satu penolong pensharah dan 3 pemangku penolong pensharah. Jadi, saya rasa itu tidak menasabah. Bagaimana kita boleh dapat murid yang baik kalau tempat itu hanya pemangku² pensharah sahaja? Saya suka menyatakan di-sini kalau ada kekurangan di-dapati hendak melantek pensharah² itu maka saya ada mempunyai bukti² ada di-antara guru² itu sudah pun mempunyai kelayakan untuk meningkat daripada pelajaran rendah kepada pelajaran tinggi, dan sekarang banyak di-antara guru² sudah pun melayakkan diri mereka dan saya boleh tunjukkan satu mithal, ia-itu ada sa-orang guru yang sudah di-lantek menjadi Penolong Pensharah dua tahun dahulu, kemudian dia mengambil peperiksaan lagi sa-hingga peperiksaan darjah tinggi dan kelayakan-nya memang sudah ada kalau hendak memenoh jawatan pensharah ini, tetapi dukachita bagi pehak interview pun tidak memanggil walau pun permohonan telah di-hantar. Macham mana kita boleh mengatakan benda itu tidak ada kalau ada jawatan pensharah yang kosong di-pusat latehan itu?

Satu perkara lagi yang saya hendak sebut di-dalam hal latehan guru di-sekolah rendah atau menengah, saya rasa tentu-lah bagi pehak Kementerian ini patut menyelidiki dan mendekatkan lagi supaya satu perkara yang besar saya nampak kerana ra'ayat di-dalam Persekutuan ini ia-lah ra'ayat yang semua-nya berkeperibadian Timor. Jadi, saya suka menyatakan ini kalau hendak sebut satu persatu perkara itu tentu-lah panjang. Mithal-nya, M.W.T.C. semua penuntut²-nya Melayu, tetapi saya tidak-lah mengatakan kelayakan Principal dan guru-nya, tetapi saya rasa apa yang saya nampak, saya dapati bahawa keadaan yang sa-benar-nya untuk menanamkan keperibadian Timor itu tidak langsung di-jalankan. Banyak-lah perkara² yang tidak memuaskan hati kita, saya berchakap pada pusat Melayu sahaja, pada pusat bukan Melayu boleh buat begitu, tetapi kalau kita tanya ibu-bapa penuntut² orang China, India dan lain² tentu-lah tidak suka anak²-nya itu kalau di-didek lari daripada landasan keperibadian Timor yang saya katakan tadi. Saya harap pehak Kementerian ini dapat mendekatkan perkara ini dan menjalankan initiative yang baik supaya chita² kita dapat kita jalankan.

Sekarang saya masuk kepada muka 140, Maktab Latehan Guru Ilmu Khas, Jalan Cheras. Saya mahu bertanya agak-nya bila-kah masa-nya boleh dapat kita menyediakan pensharah yang boleh memberi sharahan di-dalam bahasa kebangsaan, kerana saya tahu di-tempat ini kalau kita pergi dekat sahaja, Cheras, tidak berapa batu daripada sini, kita dapati maseh lagi kita tidak jumpa pensharah yang boleh memberi sharahan bahasa kebangsaan. Saya dukachita, Tuan Pengerusi, kita mengadakan pusat² dan sekolah² pada masa akan datang di-luar bandar tentu-lah guru² dari tempat itu yang hendak mengajar harus ada dan kita hendak daripada orang² yang saya sebutkan tadi. Kalau kita tidak bertindak daripada sekarang ini sampai bila masa-nya.

Saya faham berkenaan dengan pelajaran ini bukan-lah boleh di-ubah dengan chepat, tetapi sa-chara lambat,

tetapi kalau mula-nya lambat, maka sampai-nya pun lambat.

Sekarang saya masok dalam Pechahan Kepala 14, Bilek Gerakan Bahasa Kebangsaan. Saya nampak hanya \$500 peruntukan-nya. Tentu-lah bilek gerakan ini kechil dan tentu-lah bagi pehak Kementerian ini akan menyatakan kapada saya, ini chuma untok alat² hendak menengok bagaimana kelancharan dan perlaksanaan bahasa kebangsaan kita. Saya rasa peruntukan ini tidak chukup dan patut-lah ditambah lagi pada masa akan datang, kerana kalau kita hendak menyiasat atau hendak mengadakan satu bilek gerakan bahasa kebangsaan bukan-lah sa-takat kita hendak siasat hal perlancharan yang di-laksanakan di-sekolah² sahaja. Saya rasa kalau \$500 itu hal kemajuan sekolah jenis kebangsaan rendah sampai peringkat atas tentu tidak chukup, hendak beli buku buat peta untok menunjukkan bintang ini dan itu pun tidak chukup. Jadi macham mana hendak lengkap hanya ada satu Kepala yang mengatakan bagitu, tetapi kerja-nya besok tentu-lah susah bagi pehak pegawai² yang bertanggung-jawab.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap dalam Pechahan Kepala 102—Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pechahan Kepala 111—Buku Pelajaran untok Sekolah Kebangsaan. Kita sudah dengar ucapan tahniah dan pujian kapada Dewan Bahasa dan Pustaka dan saya tidak-lah melarikan diri saya bersama² dengan rakan² saya itu. Semenjak di-adakan Dewan Bahasa dan Pustaka nampak dengan terang dan jelas ia-itu buku² dan lain² yang kita harapkan ra'ayat sendiri telah pun dapat mengaku², tetapi yang saya hendak katakan di-sini ia-lah sa-bahagian daripada tugas Dewan Bahasa ini menterjemah buku² untok di-gunakan kapada sekolah². Saya dapat tahu perkara ini di-jalankan dan saya rasa tentu-lah bagi pehak yang faham dalam Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian tentu maseh lagi belum penoh dapat hasil daripada kerja² itu. Mithal-nya, saya tunjukkan, Tuan Pengerusi, kita hendak menyediakan buku terjemahan sekolah menengah atas, mungkin-kah penterjemah² yang

mempunyai pelajaran yang tidak sama taraf atau pun tidak sampai kapada darjah pelajaran-nya yang dahulu kapada darjah menengah atas itu boleh membuat penterjemahan yang baik untok hendak di-sibarkan kapada orang² yang menuntut? Jadi, perkara ini harus-lah kita berasa susah agaknya hendak mendapat penterjemah² yang ada pelajaran yang chukup yang sa-imbang dengan kerja² yang kita hendak tugaskan. Saya rasa perkara ini tentu-lah bagi pehak Kementerian atau yang bersangkutan boleh memberi peluang yang baik menchari pekerja tetap yang sa-imbang kalau kita berkehendakkan mereka bekerja sa-bagai penterjemah buku rendah memadai-lah dengan kelulusan-nya yang ada itu, tetapi kalau sudah sampai kapada peringkat menengah atas atau lain² tentu-lah hendak di-beri peluang kapada mereka yang berkelulusan universiti dan lain² untok bekerja tetap dan membuat satu sekim yang baik. Zaman ini manusia memilih tempat yang lebeh baik sebab di-lain² tempat itu mereka bekerja juga kerana negara. Jadi, kalau kita berkehendakkan orang tetapi kedudukan jawatan itu tidak baik tentu-lah susah.

Sa-lain daripada itu, saya suka membawa pandangan keadaan guru² di-Kementerian ini. Dalam pengalaman saya, kalau sa-lagi tiap² guru yang bertanggung jawab untok mendidik itu belum dapat lagi menyamakan perasaan-nya tentu-lah masa mereka menjalankan tugas-nya tidak dapat hasil yang baik. Saya suka terangkan masa saya menjadi guru dahulu—ini bukan untok kepentingan saya, Tuan Pengerusi, tetapi kepentingan pelajaran—guru² ini ada dua union, union A dan union B, sampai dalam sekolah dan di-mana² pun perasaan-nya itu tidak berapa sehati. Jadi kalau kita hendak bertukar fikiran menchari chara latehan guru yang patut di-ikut yang hendak di-ajar kapada murid tidak dapat, kadang² mereka itu churiga walhasil sama² hendak menchari kebaikan tetapi sama² tidak dapat yang baik. Jadi dalam hal ini Kementerian Pelajaran sekarang ini menerima memorandum daripada union A dan union B sa-hingga di-minta menubuhkan satu Whitley Council hendak berunding. Ini

saya rasa tentu ada sebab yang tidak dapat. Jadi, sa-bagai sa-buah negara yang sudah merdeka, Tuan Pengerusi, saya rasa tentu-lah kita dapat menchari jalan ia-itu kita menasihatkan guru² ini menubuhkan satu sahaja union—tidak ada jenis Inggeris-nya, tidak ada D.T.C. nya dan lain². Sekarang nampak-nya bila tamat D.T.C. yang baharu di-adakan 2-3 tahun itu, sudah ada satu union dan mendabek dada mengatakan kami mempunyai tanggung jawab yang lebeh. Saya tidak-lah menidakkan atas . . .

Mr Chairman: Perkara itu apa ada kena-mengena dengan peruntukan ini. Perkara itu tidak ada berkait, melainkan tuan boleh terangkan kepada saya bagaimana ia berkait baharu boleh, kalau tidak masa hilang dengan tidak tentu fasal.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Dalam Kementerian Pelajaran . . .

Mr Chairman: Perkara itu dasar 'am, tidak boleh.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Berkenaan dengan guru² sekolah rendah, menengah dan menengah atas . . .

Mr Chairman: Atas dasar-nya sahaja!

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Sadikit sahaja. Itu-lah yang saya harapkan ia-itu patut-lah kita menchari persamaan daripada Kementerian ini sebab kita hendak mentadbirkan, kemudian biar-lah orang ini menjalankan kerja yang aman dan baik kepada guru² yang saya maksudkan tadi.

Satu perkara lagi atas guru² ini berkenaan dengan kelayakan yang saya rasa patut Kementerian ini menimbangkan dengan sa-benar-nya, kerana ada sa-tengah² pendapat sekarang ini tidak puas hati, sebab guru² yang tamat F.M.C. atau School Certificate mereka hanya berubah sa-takat \$310.00 sahaja dalam gaji, kalau hendak naik lagi lebeh daripada \$310.00 itu terpaksa-lah pula mesti hendak ambil kursus di-L.I. Jadi, saya rasa tentu-lah tidak menasabah kalau kita fikirkan bagitu, kerana kelayakan di-L.I. dan kelayakan guru² F.M.C. atau lain² itu tidak-lah sama

jalan-nya. Jadi kalau Kementerian hendak menanti sa-saorang guru itu lulus L.I. baharu di-naikkan gaji-nya tentu-lah banyak guru² tidak akan menambah pelajaran-nya lagi pada masa yang akan datang, dan ini rugi kepada murid² kita yang menanti dan dahagakan pelajaran. Walau pun guru² itu yang sudah berumur 35-37 tahun berusaha hendak mendapat pelajaran yang lebeh dan tamat F.M.C. dan School Certificate mereka hanya dapat gaji \$310.00 sahaja jadi tentu-lah tidak menasabah dalam hal ini.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan Bahagian Pelajaran Lanjutan. Sa-tahu saya hetong panjang pelajaran ini di-adakan di-luar bandar guna memberi kesempatan kepada murid² yang hendak menyambong pelajaran-nya ka-sekolah menengah terbatas atau pun tidak dapat menyambong pelajaran di-tempat itu. Tetapi yang saya dukachita, Tuan Pengerusi, ia-lah kebanyakan penuntut²-nya anak² Melayu, tetapi guru² yang di-hantar belateh kebanyakan guru yang bukan Melayu. Saya tidak-lah chemburu dalam masaalah pelajaran ini, tetapi dalam pengalaman bukan sahaja murid² itu berchampur gaul dalam sekolah, erti-nya dalam sekolah itu boleh-lah guru² itu mengajar mengikut mata-pelajaran, tetapi di-luar sekolah kalau tidak ada perhubungan atau pun tidak luas hubungan pendidekan itu tentu-lah tidak mesra, bila tidak mesra murid² tidak-lah dapat pelajaran yang baik. Jadi saya minta kepada Kementerian bekerjasama dengan Pengarah-nya untok melateh guru² itu macham mana gaya-nya kita hendak menyam- paikan pelajaran yang menjadi hasrat kita itu, ada-kah sa-suai dengan chara yang ada sekarang atau pun patut kita baiki. Saya rasa tentu-lah benda ini hendak di-baiki, dan saya bersetuju kalau benda ini di-cheptakan pada masa akan datang. Saya belum lari daripada guru. Sekarang ada sa-tengah² pehak, dia menudoh bagi pehak kaki-tangan Pejabat Pelajaran umpama-nya yang di-suarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu tadi, ini saya hendak berchakap sadikit atas pandangan saya, atau pun atas pergaulan saya. Jadi, saya ini sa-bagai

bekas sa-orang guru, jadi saya kenal-lah guru² umpama-nya, khas-nya dalam tempat saya dan kalau dalam Malaya ini pun, saya rasa tentu banyak guru² yang kenal dengan saya. Saya belum lagi nampak apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu tadi segala guru² yang menyokong, atau pun yang bekerja sama dengan pehak parti dia, katanya kena aniaya. Ini satu tuduhan yang saya rasa tidak patut kita limparkan kepada pegawai² pelajaran. Saya sendiri, Tuan Pengerusi, tidak-lah menggalakkan perkara² ini, kerana dia ada system hendak masuk politik, atau tidak, dan saya pun tidak-lah hendak berchakap dalam hal itu, tetapi saya hendak menapisan, kerana sa-tahu saya entah dia sudah dapat certificate kebenaran berpolitik, atau pun tidak, saya tidak tahu, tetapi maseh banyak lagi guru² di-dalam kawasan saya pun, saya kenal mereka, ada empat lima orang Guru² Besar yang menyokong Parti Ra'ayat pun ada, yang menyokong Parti PAS pun ada, dia hendak menyokong siapa sahaja boleh, tetapi tidak ada yang kena hantar ka-luar, ada sa-orang guru itu dia mengajar di-Melaka, ta' ada pun hendak di-hantar ka-kampong². Jadi, perkara ini tidak-lah boleh kita terpengaruh atas hujah²-nya untuk hendak menarek, menakutkan orang² dalam hal berfikir sa-chara bebas di-negara kita sekarang ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya suka-lah merayu kepada Kementerian Pelajaran ini supaya dapat menyemak sa-mula hal gaji² guru yang ada di-tanah ayer kita ini. Penyemakan ini bukan-lah berma'ana saya minta naikan begitu bagini, tetapi patut-lah disemak sa-mula, kerana saya dapati ada sungutan² yang menasabah yang sedang berjalan sekarang ini kepada guru² itu. Ada perjanjian yang di-buat mithal-nya daripada Kerajaan sama ada kita belum merdeka pun, mithal-nya kelulusan Sultan Idris Training College sampai sekarang ini pun belum dapat muktamad bagaimana kedudukan-nya, dan mereka ini sedang menanti² atas hal² yang di-jalankan oleh Kementerian ini. Jadi, bagi pehak yang lain² pun, saya rasa tentu-lah memorandum² yang menuntut berkenaan dengan hal guru²

ini pun sudah sampai kepada pengetahuan Kementerian ini, dan saya rasa ta' usah-lah saya berchakap sa-chara satu persatu berkenaan dengan hal ini. Saya menyokong sa-kira-nya ada gerakan daripada Kementerian ini hendak menyusun keadaan tangga gaji yang baik dan memuaskan pada semua guru² ini supaya kelancaran pengajaran, atau pun pendidekan di-tanah ayer kita ini dapat berjalan dengan sempurna-nya dengan keadaan yang sa-imbang kesukaan, atau pun banyak di-antara lepasan² yang baik, atau pun lepasan pelajaran tinggi yang dapat masuk ka-dalam lapangan pendidekan ini. Saya mendapat tahu banyak di-antara mereka yang lulus daripada universiti umpama-nya, yang ada mempunyai kelulusan dalam hal pelajaran ini, ta' berapa gemar, saya minta ma'af perkara ini saya chakapkan, ada yang ta' berapa gemar hendak berpindah dalam hal pelajaran ini, kerana keadaan, bila dia duduk atas soal masaalah diri-nya, di-dapati kurang sedikit daripada tempat² yang lain kalau di-bandingkan sa-chara satu persatu. Jadi, perkara ini juga patut-lah kita siasat, dan saya harap Kementerian ini akan dapat bekerjasama dengan shor saya ini supaya hal² yang berkenaan dengan pelajaran ini dapat kita terima pada masa akan datang dengan chara yang baik. Terima kaseh.

Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu Jempol): Tuan Pengerusi, berchakap dalam soal pelajaran ini, saya sudah berasa insaf dan bertanggung jawab berapa mustahak-nya soal pelajaran ini bagi negeri kita ini. Ada-lah maksud dasar pelajaran yang di-kemukakan oleh Kerajaan pada masa ini yang akan di-laksanakan mengikut anggaran ini ia-lah supaya negeri ini dapat melahirkan satu bangsa yang bersatu dalam negeri kita ini. Sa-kira-nya Ahli² Yang Berhormat dari pehak Pembangkang ada menginsafi soal yang saya katakan tadi, saya rasa tidak ada timbul bangkangan, atau pun tuduhan yang telah di-buat oleh pehak Pembangkang dahulu, kerana saya katakan tadi tujuan kita ia-lah hendak mengadakan satu bangsa yang bersatu di-dalam Malaysia ini, dan ini-lah wang yang di-utokkan dengan tujuan

ini. Saya ada-lah menyokong dengan sa-penoh-nya anggaran ini.

Tuan Pengerusi, kita telah mendengar tuduhan dari luar, juga di dalam Dewan ini yang mengatakan bahawa dasar Kerajaan sekarang ia-lah hendak membunuh kebudayaan dan bahasa China. Saya suka hendak menerangkan, Tuan Pengerusi, ia-itu kebudayaan dan bahasa China ini telah ada beribu² tahun lama-nya dan saya rasa tidak ada sa-orang pun yang boleh membunuh, sa-balek-nya, Tuan Pengerusi, Kerajaan telah menguntokkan wang dengan berlipat-ganda banyaknya daripada masa penjajah dahulu, khas-nya untuk hendak memberi pelajaran kepada mereka itu dalam bahasa China. Jadi, ini dengan sendiri-nya saya mengatakan bahawa tuduhan² yang di-buat itu ta' benar, atau pun liar. Jadi, dalam soal ini, Tuan Pengerusi, saya shorkan kepada pihak² Pembangkang ini, kalau kita hendak membuat tuduhan, atau pun tegoran kepada Kerajaan, terutama sa-kali dalam soal yang besar seperti ini ia-itu soal pelajaran, hendak-lah datang-nya daripada hati kita yang jujur dan ikhlas, jangan-lah kita memandang kepada pilihan raya masa akan datang, kerana sa-bagai yang kita tahu, sa-bagai yang telah di-terangkan oleh Ketua Penasihat Pelajaran, kalau ta' salah saya, soal pelajaran ini jangan-lah kita jadikan soal politik, tetapi bersama²-lah kita memandu bagi mengadakan satu pelajaran, sa-bagaimana yang saya katakan tadi untuk mengadakan satu bangsa yang bersatu dalam negeri ini. Kalau kita pandang, Tuan Pengerusi, kepada mereka² yang menjelit² yang mengatakan Kerajaan hendak membunuh bahasa China, dan sekarang tuduhan yang sa-umpama itu kita dapati kebanyakan daripada mereka itu menghantar anak²-nya, bukan ka-sekolah² China, tetapi ka-sekolah² Inggeris. Jadi, ini saya katakan, Tuan Pengerusi, satu perbuatan hypocrisy—chakap lain, buat-nya lain, chuma hendak mengelirukan orang lain—hypocrisy of the highest order—tipu yang besar sa-kali. Jadi, Tuan Pengerusi, ini-lah yang saya katakan ia-itu perkara ini hendak-lah ditimbangan dengan sa-halus²-nya.

Saya, Tuan Pengerusi, tidak-lah bersetuju akan chadangan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara, kalau ta' salah saya pada hari itu daripada Socialist Front mengatakan supaya Kerajaan mengadakan satu Jawatan-Kuasa antara parti² supaya menyemak balek dasar Kerajaan yang ada sekarang ini. Saya ta' bersetuju, Tuan Pengerusi, kerana Jawatan-Kuasa itu tidak akan memberi faedah sedikit pun, kerana dasar mereka itu ada-lah berlainan daripada dasar kita.

Kita lihat sekarang dasar P.P.P. mithal-nya, mereka itu memang terang² hendak mengadakan berbilang bahasa di-sini. Kerana apa, kerana itu-lah pokok bagi parti-nya di-Perak. Kalau tidak dengan soal itu tentu-lah parti-nya akan mati. Parti-nya hendak chuba pula hidupan di-Seremban dahulu dan masuk pilihan raya, deposit pun hilang. Dan juga parti-nya hendak duduk dalam Jawatan-Kuasa semua parti—Socialist Front mithal-nya, macham mana kita, Tuan Pengerusi, hendak memanggil mereka duduk dalam sa-buah Jawatan-Kuasa kerana parti Socialist sendiri dia kawan²-nya tidak boleh bersatu. Bila Socialist adakan pelajaran dia hendak berbilang bahasa tetapi Parti Ra'ayat tidak, kalau di-masokkan dalam satu parti jadi tidak hidup-lah. Itu-lah saya katakan jangan-lah pihak Pembangkang ini chuba bermuka² di-sana kerana ra'ayat tahu sekarang di-mana kedudukan mereka dan apa-kah tujuan mereka itu melaung²kan untuk menggunakan bahasa ini bagi kepentingan mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, kita bagi pihak Perikatan tujuan kita ia-lah membenarkan bahasa China itu di-ajar di-sekolah² tetapi dengan satu syarat ia-itu apa² pelajaran itu hendak-lah bertujuan supaya ta'at setia mereka itu ada di-negeri ini bukan-nya di-mana² tempat, dan hanya boleh di-jalankan dengan satu dasar pelajaran yang kita adakan sekarang ini.

Tuan Pengerusi, sa-sudah memberi pandangan serba sedikit di-atas per-chakapan² yang di-keluarkan oleh pihak Pembangkang sa-malam, saya

suka-lah memberi sedikit fikiran berkenaan dengan perkara² yang patut mendapat perhatian daripada Kerajaan ia-itu berkenaan dengan guru². Guru² ini, Tuan Pengerusi, saya tidak tahu-lah di-lain² tempat, mereka ini ada naik pangkat mithal-nya menjadi Guru Pelawat dan Guru Besar tetapi saya dapati pertimbangan naik pangkat ini ia-lah mengikut tua-nya—mengikut seniority, siapa tua dia naik pangkat, tidak ada mengikut kebolehan-nya. Jadi saya berpendapat yang lebih baik lagi ia-lah umpama Guru Pelawat itu hendak-lah di-pilih orang² yang lebih layak lagi daripada guru² yang ada itu, tidak kira tua, ta' kira muda, ini akan memberi peransang kepada guru² muda untuk naik pangkat lebih tinggi lagi.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan naik pangkat, guru² ini juga ia-itu pada masa sekarang kita ada naik pangkat dengan jalan terus. Tetapi saya suka bagi satu shor ia-itu kadang² guru² itu ada yang lebih bersemangat—lebih rajin daripada guru² lain dan keputusan pepereksaan-nya lebih baik. Saya minta ini di-ambil pertimbangan kalau mereka itu naik pangkat, keputusan pepereksaan guru² itu hendak-lah di-ambil pertimbangan, ini akan memberi semangat kepada guru² itu untuk bekerja lebih rajin lagi.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya hendak berchakap berkenaan dengan guru² ini juga, saya fikir patut di-ambil perhatian oleh Kementerian ini ia-itu di-Sekolah King George Primary Seremban. Sekolah ini baik, jalan-nya baik dan keputusan-nya pun baik tetapi ada satu perkara saya hairan, di-sekolah ini daripada 40 orang guru-nya ada 28 perempuan dan guru lelaki-nya chuma 12 orang sahaja. Di-tempat lain guru lelaki lebih banyak. Saya perhatikan guru itu tidak berapa senang hendak mengator, seperti mengadakan senanam atau sa-bagai-nya semua-nya itu guru² lelaki menanggung-nya, guru² perempuan duduk diam sahaja. Saya fikir perkara ini hendak-lah di-fikirkan supaya guru² perempuan itu di-bagikan mengikut keadaan tempat² di-sana.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Form VI—(Tingkatan VI) sekolah di-Nagri Sembilan ini. Alhamdu lillah, Tuan Pengerusi,

sekarang telah ada di-buat dan bilangan murid² pun telah bertambah. Saya suka menarek perhatian Menteri ini ia-lah berkenaan dengan chara memilih murid² itu masuk belajar ka-Form VI itu. Pada masa sekarang kalau tidak salah saya, Jawatan-kuasa yang memilih murid² itu ia-lah terdiri daripada Guru Besar Sekolah King George, Guru Besar Sekolah A.C.S. dan Pegawai Pelajaran sendiri. Jadi saya dapati di-sini dengan tidak sengaja tidak ada sa-orang Melayu pun yang dudok di-situ. Saya bukan-lah memperkechilkan atau menchurigai atas perjalanan mereka ini tetapi kita tidak boleh nafikan perasaan perkauman itu mesti ada. Orang Melayu perasaan kaum-nya ada, orang India pun ada dan orang China pun ada. Apa-kah salah-nya untuk mengatasi perkara ini Kementerian melantek sa-orang orang Melayu, kalau tidak ada orang India, di-masokkan sa-orang orang India supaya Jawatan-kuasa itu dapat meliputi semua bangsa² yang besar yang ada dalam negeri ini. Soal ini, Tuan Pengerusi, saya sudah selalu kemukakan, terutama sa-kali berkenaan dengan murid² Melayu hendak masuk Form VI ini. Dalam lain² perkara, saya rasa keistimewaan bagi orang Melayu itu memang ada, tetapi dalam soal ini tidak ada langsung. Di-kira markah-nya (merit) kadang² orang lain itu ada, orang Melayu tinggal dua tiga orang sahaja. Mengikut Perlembagaan kita tahu orang Melayu pada masa sekarang lemah lagi, apa-lah salah-nya kita adakan quota kepada mereka² yang layak, tetapi mereka tidak dapat bertanding. Mereka itu tertinggal di-belakang tidak dapat di-pilih. Saya harap kepada Menteri ini memikirkan supaya di-hadkan berapa-kah orang Melayu boleh belajar di-situ pada tiap² tahun.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya rasa sa-takat ini chukup-lah pandangan saya di-atas perkara ini. Sa-belum saya dudok saya merayu-lah kepada pehak² Pembangkang terutama sa-kali Socialist Front dan P.P.P. menimbang-kan soal pelajaran Persekutuan Tanah Melayu ini dan hendak-lah kita fikirkan dahulu kepentingan negara kita daripada kepentingan kita atau pun party kita.

O. K. K. Haji Mahali bin O. K. K. Matjakir (Sabah): Tuan Pengerusi, saya suka mencheritakan sedikit dari hal pelajaran di-Sabah yang sangat² menyedehkan. Sabah ada-lah sa-buah negeri yang tertinggal jauh ka-belakang dengan segi pelajaran. Pertama-nya sekali ia-lah kekurangan sekolah² dan guru², kerana dari sa-tahun ka-satahun murid² makin bertambah banyak, maka dari itu apabila ibu bapa hendak menghantar anak² mereka ka-sekolah maka guru² tidak dapat menerima-nya, kerana tiada ada tempat yang kosong, maka terpaksa-lah menunggu lain tahun, dan apabila tahun datang pula, hendak di-hantar anak² itu kata guru umor-nya sudah meningkat tinggi, sebab mengikut peratoran pejabat pelajaran di-Sabah tidak boleh di-terima lagi.

Dan juga berkenaan dengan *school fees*, kebanyakan ibu bapa anak² itu tidak mampu untuk membayar *school fees* itu, kerana di-Sabah primary I hingga primary VI terpaksa membayar *school fees*. Berkenaan guru² pula yang di-hantar ka-luar negeri untuk berlateh, ada-lah kebanyakan-nya guru² itu tidak lancar berbahasa Inggeris, jadi bagaimana-kah mereka manakala sampai di-Australia atau New Zealand belajar di-sana yang kebanyakan-nya memakai bahasa Inggeris jadi guru² yang di-hantar itu adalah mengahui atau mengerti sedikit² yes or no sahaja. Alang-kah itu membuangkan masa dan perbelanjaan, oleh itu di-harak pehak Kementerian dapat menimbangkan dan memperbaiki lagi perkara yang menyedehkan ini.

Sakian-lah, Tuan Pengerusi yang saya chakapkan, terima kaseh.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Enche' Edmund Langgu anak Saga (Sarawak): Mr Chairman, Sir, before going any further I would like to congratulate the Honourable Minister of Education for the specific programmes which he has in his Ministry in Malaya. I say this not to pull his leg but to speak the truth as I know that it is not easy for him to do something to satisfy everyone.

Mr Chairman, Sir, I would like to make reference to the rural schools

in Sarawak, which are the concern of the Honourable Minister of Education, and also the estimates allocated for Sarawak in 1964. We in the State of Sarawak are waiting for educational progress to be made, especially in the rural areas. The people need free primary schools. But we still do not have enough schools for all the children of school-going age. This is not the mistake of the State Government or the Federal Government, but that of the former Colonial Government's. Mr Chairman, Sir, I suggest that this Ministry should make a careful survey of the needs of the rural areas in Sarawak so that schools can be built at suitable places to enable every child of school-going age to receive at least primary education.

With regard to vocational type of schools, we have very few of them in Sarawak. As one Honourable Member who spoke before me mentioned about this subject, I am not going to repeat what he has said. I understand that we have a new farm school and, if I am not mistaken, run by Mission, and in this school primary and lower secondary school leavers can learn many useful things to suit their future careers. I am not going to give a long explanation in this regard, because I am sure the Honourable Minister of Education knows much better about this. As a representative from the rural areas I myself know that our people need farm schools very badly. I think the Ministry of Education should give serious thought to this and I hope the Honourable Minister will sympathetically consider our humble request. This is the time for us to consider whether we can give all our primary school leavers the opportunity for further study and thus become desirable and helpful citizens of Malaysia. The people of Sarawak are just getting out the colonial blanket and they should get equal privileges from the Ministry of Education.

Mr Chairman, Sir, I am now going to say something about trained teachers in Sarawak. More of our teachers are Grade IIA and Grade

IIIA teachers and most of them received their training locally. In previous years there were very few Grade IIIA teachers who were sent overseas for training. I am sure these Grade IIIA teachers work as hard as those higher graded teachers and most of our Grade IIIA teachers serve in the rural areas, and they are facing the real teaching problems. So I hope the Ministry of Education will send some of these good and experienced Grade IIIA teachers for overseas training. I am sure the knowledge that they will gain from such training will benefit the children and their parents in the rural areas. The public will have more confidence in such trained teachers and will be more co-operative in assisting them to make educational progress.

Mr Chairman, Sir, regarding the medium of instruction in Sarawak schools, we prefer English because English is accepted by the majority of the people in Sarawak and also by our Council Negeri or the State Legislative Assembly. English will be the official language in Sarawak as mentioned in the I.G.C. Report, to which other Members of Parliament from Sarawak should refer.

Tuan Haji Azahari bin Haji Ibrahim (Kubang Pasu Barat): Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian di-dalam perbahathan ini, dan dengan ikhlas-nya saya suka menyentuh di-dalam Pechahan Kepala 44, pertama sa-kali kapada Sekolah Rendah. Saya dapati di-dalam satu² perbelanjaan atau pechahan kepala Kementerian ini, ia-itu bantuan kapada sekolah² itu, satu perbelanjaan yang besar sa-kali yang memakan belanja sa-banyak sa-ratus sembilan puluh sembilan juta lebeh; dalam peruntukan itu sa-ratus empat puluh sembilan juta akan di-berikan kapada Sekolah² Rendah sa-bagai bantuan yang tertentu. Saya merayu kapada Kementerian ini supaya mengadakan satu kawalan yang rapi atau pun yang kuat terhadap chara² Sekolah² Rendah hendak menggunakan bantuan yang di-berikan itu: Bantuan ini di-berikan kapada sekolah² ini melalui Pejabat Pelajaran tiap² negeri. Saya perchaya ada per-

untokan² ini di-gunakan bagi perkara² yang tidak tertentu, tetapi tujuan yang besar kita mengadakan perbelanjaan yang sa-banyak satu ratus empat puluh sembilan juta ini ia-lah untok hendak membeli alat² atau perkakas² mengajar, membeli buku² dan sa-bagai-nya, untok di-gunakan bagi melebehan pelajaran kapada kanak² itu. Tetapi, ada yang di-gunakan oleh sa-tengah² sekolah itu, kalau tidak di-kawal dengan tidak tertentu, saya fikir jika di-biarkan jalan begitu sahaja nampak-nya sia²-lah beratus² juta kita belanjakan kapada Sekolah² Rendah itu, terutama sa-kali kapada sekolah² yang ada di-dalam kawasan Luar Bandar. Tuan Pengerusi, saya berharap patut-lah di-adakan *external audit* atau pun kita lantek *auditor*, supaya tiap² 3 bulan atau 6 bulan sa-kali adakan pemereksaan kira², bagaimana pehak Sekolah Rendah itu menggunakan duit itu, dan patut juga 6 bulan atau 3 bulan sa-kali tiap² sekolah itu mengeluarkan penyata perbelanjaan masing² negeri. Ini supaya Pejabat Pelajaran ini dapat mengetahui bagaimana-kah di-gunakan duit² itu, sama ada dengan sachara betul atau pun di-sia²kan sahaja. Jadi, elok sa-kira-nya pehak Pejabat Pelajaran jika tidak ada duit untok memberi upah kapada Ouditor, patut pehak Pejabat Pelajaran memperlawakan orang² yang ada pengetahuan di-dalam ilmu kira² untok memberi perkhidmatan perchuma dengan sukarila kapada sekolah² itu untok di-pereksa dengan sunggoh²-nya. Saya tidak suka hendak cherita dengan panjang lebar lagi bagaimana duit itu di-gunakan dengan chara yang tidak betul. Satu daripada chontoh-nya saya tunjukkan di-sini, ada guru gunakan wang itu untok perbelanjaan pergi ambil kursus di-pekan² besar. Ini satu perkara yang tidak baik, sebab duit itu di-tetapkan guna bagi hendak meluaskan pengetahuan murid². Jika hendak buat bangunan atau pun hendak memperbaiki bum-bong sekolah itu kita ada duit peruntukan dalam Development Estimates ini. Ini semua di-sebabkan tidak ada *proper auditing*, jadi susah hendak di-kawal dengan rapi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kumpulan Wang Kemudahan dan Kebajikan bagi Penuntut di-Luar Negeri di-untukkan sa-banyak \$36,550. Jadi, saya hendak menarek perhatian Kementerian ini mengadakan kumpulan wang yang sumpama ini bukan sahaja di-luar negeri tetapi patut di-adakan bagi penuntut² sekolah rendah di-luar bandar, kerana saya nampak dalam bahathan Kementerian Pelajaran ini ra'ayat berharap kepada Kerajaan samata² dalam bermacam² soal saperti buku², ada yang pergi sekolah tidak berkasut, makanan pun tidak cukup masa pergi sekolah dan lain². Semua orang tahu Kementerian Pelajaran mendapat peruntukan yang banyak sa-kali. Walau pun peruntukan Kementerian ini banyak saya nampak tidak-lah 'adil kalau murid² yang tidak berkasut itu hendak di-beri kemudahan, tetapi ada satu chara yang boleh kita hendak beri kemudahan kepada murid² yang belajar di-luar bandar patut-lah Kementerian ini menggalakkan di-tiap² sekolah itu di-adakan satu lembaga pengurus yang bertanggung-jawab dalam hal pentadbiran dan susunan untuk menggalakkan murid² meluaskan pelajaran dan ibu-bapa supaya mengambil bahagian yang lebih chergas lagi dalam hal pelajaran anak²-nya. Maka elok-lah kita adakan kumpulan wang kemudahan dan kebajikan bagi penuntut² di-luar bandar, dan peluang ini dibuka kepada pehak yang dermawan dalam kampung² itu yang ingin hendak memberi bantuan kepada kumpulan wang ini. Saya fikir sa-takat yang ada sekarang ini orang kampung yang ingin hendak beri bantuan derma dengan chara wang dan hadiah² yang besar mereka itu tidak ada peluang hendak menolong sebab tidak ada tempat hendak beri derma itu yang di-harap menjadi satu badan atau pun fund. Jadi bagaimana kita hendak harap orang kampung yang dermawan itu hendak mengulorkan derma²-nya, chuma sa-tahun sa-kali pada "hari ibu-bapa" Guru Besar yang aktif menchari orang kampung meminta derma, derma yang dapat itu pun bukan-lah untuk meneruskan pelajaran tetapi untuk beli hadiah sa-

perti piala (cup) kecil, tetapi derma² yang besar yang dermawan itu hendak beri tidak ada tempat-nya. Saya harap Kementerian ini mengambil perhatian tentang kebaikan yang patut kita jalankan dengan mengadakan satu kumpulan wang kemudahan dan kebajikan bagi tiap² sekolah supaya duit itu boleh di-gunakan oleh murid² itu untuk meluaskan pelajaran mereka bukan sahaja dalam sekolah itu sahaja bahkan dalam sekolah tinggi.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pechahan Kepala 94—Bulan Bahasa Kebangsaan dan Pechahan Kepala 102—Dewan Bahasa dan Pustaka di-untukkan sa-banyak \$2 juta lebih. Saya akan berchakap sa-kali gus dalam kedua² perkara ini, sebab kita tahu baik² tujuan yang besar sa-kali dan pokok yang utama sa-kali yang kita adakan Dewan Bahasa dan Pustaka ia-lah hendak menggalakkan orang kita mengambil bahagian dalam bahasa kebangsaan di-mana juga dan Bulan Bahasa Kebangsaan ini di-serahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka menganjorkan dengan besar²an. Itu-lah tujuan yang besar-nya. Saya harap, kalau boleh, Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan dengan sa-luas²-nya atau mengadakan kerjasama yang sa-besar²-nya dengan pehak akhbar² Melayu, yang mengeluarkan akhbar dalam bahasa kebangsaan, dengan jalan ini dapat-lah ra'ayat mengetahui dengan lebih lagi dan dapat meluaskan pelajaran bahasa kebangsaan ini melalui akhbar². Kalau melalui umpama-nya dalam sekolah sahaja bagi orang yang dewasa tentu-lah terok, dan di-Kelas Dewasa itu ma'alum-lah mereka kena pergi sekolah itu meninggalkan rumah-tangga dan meng-untukkan masa untuk menghadiri kelas. Oleh itu, Dewan Bahasa patut-lah mengadakan kerjasama yang rapat dengan akhbar² Melayu. Sebabnya saya bimbang, Tuan Pengerusi, selama ini akhbar² Melayu tidak beri kerjasama. Kalau hendak saya sebutkan sa-bagai contoh boleh juga, mithal-nya, *Utusan Melayu*, di-luar-nya di-tulis bukan main sedap bunyinya. Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya bachakan: "Akhbar kebangsaan

Melayu yang di-punyaï dan di-usahakan oleh bangsa Melayu". Bukan main sedap lagi, jadi tentu-lah *Utusan Melayu* tidak akan tinggal atau mengengapikan permintaan dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Tetapi saya tengok dua tiga hari yang lalu saya terperanjat ia-itu dalam ucapan Tahun Baharu oleh Tunku Abdul Rahman tidak di-masokkan, tetapi surat²-khabar dalam bahasa Inggeris, Tamil dan China terbentang dengan perkataan² yang besar, ucapan Tahun Baharu Perdana Menteri kita tidak ada langsung dalam *Utusan Melayu*, pada hal-nya orang Melayu kita, terutama sa-kali yang tahu dalam bahasa Melayu ingin juga hendak tahu butir ucapan Tunku Abdul Rahman supaya lunas ucapan itu mengingatkan bagaimana negara kita hendak berjuang, tetapi sayang-nya apa-kah sebab-nya *Utusan Melayu* "black-out" langsung berita itu? Saya tidak tahu, barangkali dia tidak suka hendak kerjasama. Saya hendak tahu bagaimana sikap *Utusan Melayu* tentang bahasa kebangsaan? Sa-kian-lah, Tuan Pengerusi.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya ada-lah mengalu²kan peruntokan belanjawan bagi Kementerian Pelajaran ini, terutama sa-kali saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, kerana dapat melaksanakan dasar² pelajaran dalam negeri ini dengan chukup sempurna dan mendapat faedah yang banyak bagi chita² kebangsaan dalam negeri ini, dan dalam melaksanakan dasar pelajaran ini, saya sukachita menyatakan sokongan saya bukan sahaja dari diri saya sendiri, tetapi juga sokongan daripada seluroh ra'ayat supaya pehak Kementerian Pelajaran ini tidak akan menjalankan tolak ansor berhubung dengan sharat² kelulusan dan yang akan mengengapikan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa yang tunggal dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, satu sahaja perkara yang saya suka hendak bangkitkan di-sini ia-lah berhubung dengan masalah sekolah² rendah dalam negeri ini. Kita sangat bershukur dengan ada-nya dasar pelajaran yang baharu ini

bahawa semua sekolah² rendah telah di-jadikan sekolah perchuma, terutama sa-kali bagi sekolah² kebangsaan kita pada hari ini mengikut dasar pelajaran yang baharu ini bahawa semua sukatan pelajaran bagi semua sekolah² ada-lah sama sahaja, tetapi apa yang saya suka hendak sebutkan di-sini ia-lah berhubung dengan sekolah kebangsaan. Sekolah kebangsaan yang pada masa dahulu di-sebut Sekolah Melayu ia-itu pada masa sa-belum dasar pelajaran ini berjalan di-mana sekolah² ini telah menjadi satu sekolah yang ketinggalan dan di-ketepikan langsung oleh pehak Kerajaan, tetapi dengan ada-nya dasar pelajaran yang baharu ini, maka sekolah² kebangsaan itu telah di-samakan taraf-nya dengan sekolah² Inggeris, dan juga sekolah² yang lain yang ada di-dalam tanah ayer kita ini.

Di-dalam menjalankan dasar pelajaran ini, di-mana² sekolah juga pun, satu sahaja perhatian yang patut diambil oleh pehak Menteri berhubung dengan nasib guru² di-sekolah² kebangsaan. Kita tahu bahawa mengikut dasar pelajaran sekarang ini, kenaikan gaji guru² ia-lah mengikut chara Unified Scheme dan chara² kebolehan, tetapi maseh banyak guru² di-sekolah² kebangsaan yang maseh belum berubah tangga gaji-nya, walau pun mereka itu telah mengadakan tuntutan sejak dari tahun 1957 lagi dan sa-belum daripada itu, tetapi pehak Kerajaan maseh belum lagi menimbangkan kedudukan yang sa-benar-nya. Kita harus sedar dan faham bahawa guru² Melayu di-kampong² itu ada-lah sa-bagai pemimpin² kechil bagi masharakat di-sana. Mereka-lah yang berjuang bersungguh² kerana kepentingan kebangsaan, mereka-lah yang menjadi pelopor di-dalam perjuangan bahasa kebangsaan, dan mereka-lah juga yang menjadi pemimpin² di-dalam sa-barang gerakan kebajikan di-dalam kampong², tegas-nya bahawa guru² Melayu-lah yang terutama sa-kali yang menjadi tempat perhatian atas tumpuan keperchayaan bagi orang ramai ia-itu ra'ayat² di-kampong². Saya berchakap di-sini bukan-lah mewakili guru², tetapi atas sifat bekas sa-orang guru yang benar² mengetahuï soal ini, soal kesusahan

ini. Guru² bukan-lah tidak boleh menjalankan semua dasar² pelajaran mengikut susunan-nya yang ada pada hari ini, tetapi kita sedia ma'alum-lah, Tuan Pengerusi, dengan keadaan kehidupan yang rendah, tanggungan yang banyak, mereka tidak-lah dapat menambahkan pengetahuan mengikut sa-wajar-nya sa-bagaimana yang dikehendaki. Jadi, itu-lah harapan saya supaya pehak² Kementerian dapat mengkaji dengan sa-berapa segera-nya soal tingkatan gaji guru² sa-bagaimana yang di-tuntut oleh pehak guru² itu. Sa-kali lagi saya sebutkan bahawa pada keseluruhan-nya guru² boleh menjalankan semua dasar pelajaran sa-bagaimana yang di-kehendaki di-dalam dasar itu, tetapi walau bagaimana pun soal sara hidup dan soal tingkatan gaji ini harus-lah di-kaji kalau berkehendakkan bahasa kebangsaan dan chita² kebangsaan dalam negeri ini berjalan dengan lancar-nya, kerana guru² Melayu-lah, sa-bagaimana yang saya katakan tadi sa-bagai pelupur terutama sa-kali dalam melaksanakan bahasa kebangsaan dalam negeri ini.

Satu perkara lagi yang saya suka hendak sebutkan bahawa mengikut dasar pelajaran yang ada pada masa ini benar² sa-bagai dasar pelajaran yang akan menuju kepada satu penyatuan kebangsaan di-dalam negeri ini, tetapi maseh banyak lagi orang² ramai yang tidak begitu faham dengan dasar pelajaran yang molek yang ada pada hari ini, yang memandang umpama-nya sekolah² kebangsaan itu ialah sekolah² yang jenis-nya rendah, tetapi sekolah² Inggeris itu sekolah jenis yang tinggi, tingkatan yang tinggi. Jadi, satu perkara yang saya patut sebutkan di-sini bahawa pehak Kementerian patut-lah mengadakan satu gerakan kempen pelajaran bagi menerangkan kepada orang ramai tentang soal dasar pelajaran dalam negeri ini dan menggalakkan orang ramai memasukkan anak²-nya di-mana² tingkatan sekolah dan menjamin keadaan² pelajaran itu dengan lebeh chukup sempurna, walau apa tingkat sa-kali juga pun.

Yang kedua, daripada hasil penerangan itu, harus-lah juga pehak Kementerian ini mengadakan satu

gerakan kempen pelajaran ia-itu melanjutkan pelajaran kanak², memberi kechenderongan kepada ibu bapa supaya menghantar anak² itu sa-hingga ka-sekolah² menengah, kerana sa-panjang yang saya tahu, di-kampung² kalau-lah anak²-nya lulus Darjah VI macham system pelajaran penjajah dahulu, sudah chukup memadai. Mereka tidak lagi menarek hati untuk hendak menghantar anak²-nya pergi ka-sekolah² menengah dan ka-sekolah² tinggi. Mereka membuat alasan ia-itu dengan bayaran \$3 bagi memasokki pepereksaan itu, sa-bagai satu alasan yang tidak dapat memberi peluang kepada anak² itu pergi ka-sekolah² menengah. Jadi, dengan ada-nya kempen pelajaran ia-itu dengan memberi semangat dan perangsang kepada orang ramai serta pengertian yang dalam tentang tujuan pelajaran dalam negeri ini, maka saya perchaya kejayaan² akan dapat di-atasi, khas-nya di-kampung² yang tidak banyak kanak² yang memasoki pepereksaan pergi ka-sekolah² menengah, dan tidak banyak pula yang mendapat kelulusan, dan kebanyakan kanak² itu pun begitu juga. Jadi, dalam soal ini, saya berseru-lah kepada pehak yang berkenaan supaya menanamkan benih semangat kepada orang ramai terutama sa-kali ra'ayat di-kampung² di-atas tanggong jawab mereka itu terhadap pelajaran ini. Di-dalam memperkatakan tanggong jawab dan semangat kepada pelajaran, satu perkara yang saya suka hendak sebutkan sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh kawan² saya tadi tentang nasib penduduk² di-kawasan² luar bandar. Penduduk² di-kawasan² luar bandar, bukan-lah kita kata semua sa-kali tidak ada semangat pelajaran, tetapi banyak yang sudah sedar tentang keadaan² pelajaran pada masa ini, tetapi satu perkara sahaja ia-itu di-atas kesulitan penduduk² di-kawasan luar bandar—penduduk² kampung yang rasa saya tidak mampu bagi mengongkosi atau membelanjakan soal pelajaran bagi anak²-nya.

Maka tentang perbelanjaan biasiswa ini, pehak Kementerian Pelajaran harus-lah mengambil ingatan supaya dapat mengkaji sa-jauh mana bantuan² yang dapat di-beri kepada semua

kanak² di-sekolah² kebangsaan, bukan di-sekolah² Inggeris. Dengan chara bantuan yang begitu, saya perchaya bahawa kanak² di-kampung² yang tinggal di-kawasan² luar bandar itu akan terbela nasib-nya pada masa akan datang, kerana kanak² ini-lah yang akan berjuang benar² dengan chita² kebangsaan dan akan menjadi ra'ayat yang berguna pada masa akan datang. Jangan-lah di-sebabkan kesusahan ibu bapa-nya maka menyebabkan terhalang-nya mereka itu untuk meneruskan pelajaran-nya, dengan kerana nasib mereka itu sendiri tidak mendapat pelajaran, jangan-lah pehak Kerajaan tidak memberi peluang yang banyak kepada ra'ayat² yang bakal menjadi ra'ayat yang berguna yang akan berjuang kerana chita² kebangsaan pada masa hadapan.

Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian satu lagi soal berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya juga bersama² dengan rakan saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kasih di-atas kejayaan Dewan Bahasa dan Pustaka mengeluarkan buku² dan mengeluarkan istilah² terutama sa-kali bagi menchukupi bacaan kanak² di-sekolah. Hanya satu perkara yang saya suka menarek perhatian berhubung dengan soal² istilah. Banyak perkataan² yang di-istilahkan boleh di-katakan maseh banyak orang² kita tidak begitu faham umpama-nya perkataan "charup" dan "seranta" dan perkataan² yang lain. Perkataan "charup" dan "seranta" ada-lah perkataan² yang baharu yang kalau di-chakapkan dalam kampong² memang-lah orang² tidak boleh mengerti dan Ahli² Parli-men ini sendiri ada yang tertanya²-kan perkataan² itu. Jadi di-dalam mengembangkan bahasa kebangsaan, istilah² ini saya berharap Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengeluarkan istilah² bukan sahaja sa-bagai buku tetapi mengeluarkan istilah² itu menerusi akhbar² tempatan dalam semua jenis akhbar, siaran² radio dan juga dengan chara mengeluarkan buku² supaya dapat di-ikuti oleh seluroh ra'ayat dalam negeri ini. Lebeh² lagi istilah² ini harus-lah di-tumpukan sa-penoh²-nya kepada kelas² dewasa, pejabat² Kerajaan dan

juga di-tempat² yang boleh orang ramai mengetahui dengan sa-berapa segera. Istilah² dan pengajaran bahasa moden ini pehak Kementerian patut-lah menitek beratkan di-kampong² kerana penduduk² di-kampong² kebanyakan maseh lagi buta huruf. Mereka maseh berchakap dengan bahasa daerah dan tidak dapat mengikuti bahasa² moden pada masa ini. Kita bimbang sa-kira-nya perkataan² ini tidak di-siarkan, nanti orang Melayu sendiri tidak mengerti bahasa-nya kalau berchakap, bertutor, mendengar melalui siaran radio, membacha akhbar² dan sa-bagai-nya. Jadi orang Melayu sendiri tidak tahu bertutor bahasa Melayu ia-itu bahasa moden. Oleh sebab itu saya merayu kepada pehak Kerajaan supaya dapat menyebarkan istilah² baharu itu di-kampong². Bukan itu sahaja tetapi perkataan yang di-mengertikan oleh orang ramai patut juga di-sebarkan kerana kawan² kita di-Sabah, Sarawak, Singapura dan Malaya banyak menggunakan perkataan² yang berlainan pengertian-nya. Kalau saya katakan satu perkataan yang selalu di-chakapkan di-Kelantan sana ia-itu perkataan "mengechek". Perkataan "mengechek" ma'ana-nya "bersembang²" tetapi kalau sa-kira-nya perkataan "mengechek" itu di-kata di-negeri Perlis tentu kawan itu kayu naik di-kepala-nya. Jadi perkataan "mengechek" di-Perlis ma'ana "pergi mengurat" tetapi di-Kelantan "mengechek" itu berma'ana "sembang²" atau "berchakap²". Di-Johor pula ada satu perkataan yang kita katakan perkataan "bebal". Kalau di-Perlis "bebal" itu tidak berapa panas sangat, tetapi kalau di-Johor ma'ana "bodoh" jadi harus-lah juga perkataan² ini di-keluarkan oleh pehak Dewan Bahasa dan Pustaka supaya dapat menyamakan perkataan² itu supaya jangan tersinggong perasaan² dari sa-orang ka-sa-orang.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengulaskan sedikit jawapan di-atas perkara² yang telah di-bangkitkan oleh wakil dari Dungun ia-itu berkenaan dengan istilah "bangsa asing". Kata-nya istilah

“bangsa asing” itu erti-nya lain daripada Melayu. Saya suka juga mengingatkan kepada pehak Yang Berhormat ini supaya lebih faham keadaan di-tanah ayer kita ini bukan sahaja terdiri daripada bangsa Melayu tetapi dari berbagai² bangsa. Jadi jangan-lah sa-kali² membangkitkan perasaan iri hati atau burok sangka di-antara sa-orang dengan sa-orang yang lain. Jadi dengan mengatakan “bangsa asing” elok-lah difahamkan bahawa bangsa asing itu ia-lah bangsa yang bukan ra’ayat dalam tanah ayer kita ini. Kalau kita hendak kata bangsa China, kata-lah bangsa bukan Melayu. Tetapi jangan-lah di-katakan “bangsa asing” ia-itu perkataan bangsa asing itu ada-lah perkataan kasar, biadab dan tidak patut di-chakapkan di-dalam tanah ayer kita ini demi kepentingan menuju chita² yang satu pada masa hadapan.

Yang kedua, Yang Berhormat dari Dungun itu mengatakan pehak Perikatan pengkhianat bahasa kebangsaan. Elok-lah saya sebutkan bahawa UMNO ia-lah “Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu”. Tujuan-nya di-dirikan kerana bangsa² oleh bangsa, kerana chita² kebangsaan dalam negeri ini yang sa-benar²-nya berjuang daripada dahulu sa-hingga sekarang ka-arrah chita² kebangsaan. Barang siapa yang keluar daripada UMNO atau di-pechat ada-lah di-anggap oleh orang Melayu sudah keluar daripada Melayu. Jadi UMNO ada dasar kebangsaan, kalau keluar dia daripada party ma’ana-nya orang itu sudah keluar daripada Melayu. Kerana party ini ia-lah Party Kebangsaan Melayu Bersatu dalam negeri ini.

Satu perkara lagi yang di-bangkitkan oleh wakil dari Telok Anson yang sentiasa memberi perasaan hidup kebudayaan bahasa China dalam negeri ini. Tetapi saya suka mengingatkan wakil Yang Berhormat itu bahawa apa yang di-chakapkan-nya ada-lah sentiment atau perasaan Yang Berhormat itu sendiri. Kerana mengikut statistics atau perangkaan bahawa sudah banyak sekolah² China yang telah masuk menjadi sekolah bantuan Kerajaan dalam negeri ini. Apa yang di-chakapkan-nya ia-lah daripada sentiment-nya sendiri—pehak yang fanatic

kapada tanah ayer-nya sendiri ia-itu negeri China. Kalau sa-kira-nya ada di-antara Yang Berhormat ingin menghidupkan bahasa dan kebudayaan China bukan di-Malaysia ini tetapi di-negeri China. Yang Berhormat itu harus faham bahawa tidak ada bahasa dan kebudayaan China yang dapat hidup di-negeri² lain sa-lain daripada Malaysia ini. Mithal-nya di-Indonesia, di-Siam, di-Burma dan negeri² lain tidak ada kebebasan yang di-berikan sa-bagitu banyak seperti yang di-berikan di-Tanah Melayu ini. Jadi kebebasan yang kita bagikan itu ada-lah kebebasan yang meluas dan timbang rasa, patut-lah pehak² gulungan China di-dalam tanah ayer kita ini mengerti dan insaf tentang keadaan² pada masa ini. Kita sedang menyusun satu dasar pelajaran sama untuk menyatukan ra’ayat negeri ini, tidak mahu menimbulkan persaan² yang tidak kita ingini pada masa hadapan.

Pada akhir-nya sa-kali, saya mengalu²kan perbelanjaan Kementerian Pelajaran dan memberikan peransang kepada pehak Menteri Pelajaran supaya jangan-lah ada sa-barang tolak ansor di-dalam dasar menuju chita² kebangsaan di-dalam negeri ini. Kami, UMNO dan ra’ayat yang chintakan dan ta’at setia kapada negeri ini sentiasa berdiri tegoh di-dalam mempertahankan hak ini ia-itu hak untuk menyatukan kebangsaan, hak yang akan memberi kepentingan kebangsaan di-dalam negeri ini. Sekian-lah.

Enche’ Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, tidak banyak saya hendak sentoh di-dalam Kementerian ini, kerana banyak perkara² itu telah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain. Pechawan kepala 96 berkenaan dengan biasiswa, ada di-utangkan biasiswa kapada penuntut² Melayu kerana kelas persediaan sa-banyak \$640,000 bagi tahun ini. Saya berkehendakkan satu penjelasan daripada pehak Menteri Yang Berhormat, berapa peratus-kah daripada peruntukan yang di-beri kapada penuntut² Melayu bagi kelas Pre-University yang di-ajar melalui bahasa kebangsaan. Sebab, sa-tahu saya sekarang ini sudah ada kejas² persediaan untuk memasoki

University yang di-ajar melalui bahasa perantaraan-nya bahasa kebangsaan. Kita mahu tahu peratus²-nya atau ramai-nya anak² Melayu kita dan sejauh mana kesungguhan pihak Kementerian ini hendak melaksanakan dasar mengkebangsaankan seluruh peringkat persekolahan daripada rendah sampai sa-tinggi²-nya di-dalam negeri ini. Apa yang saya tahu pada masa sekarang ini ada 28 orang pelajar² yang sedang belajar di-dalam kelas Pre-University yang di-ajar melalui bahasa perantaraan-nya bahasa kebangsaan. Alangkah baik-nya kalau jumlah-nya akan dapat di-tambah pada masa akan datang, akan tetapi satu masaalah yang terlalu penting yang harus di-pechakkan oleh pihak Kementerian ini ialah bagaimana-kah chara penuntut² yang telah melalui Pre-University Education sa-ramai 28 orang yang ada sekarang ini yang belajar terus-menerus melalui bahasa perantaraan bahasa kebangsaan itu akan dapat masuk kepada University pada masa akan datang. Boleh-kah pihak Menteri Yang Berhormat memberi satu penjelasan bahawa pada masa akan datang kelas permulaan di-dalam University itu akan mengadakan kelas-nya terus-menerus menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa perantaraan, dengan berdasarkan 28 orang mahasiswa yang telah mengambil pelajaran Pre-University Education dalam bahasa kebangsaan itu. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang kita tahu pada masa sekarang ini, pihak Kementerian sama ada pihak-nya sendiri atau melalui alat² Kementerian itu sendiri seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, maseh belum dapat menyempurnakan tugas-nya mengadakan buku² bacaan, text book dan sa-bagai-nya untuk kegunaan University. Kalau sa-kali pun murid² itu di-ajar dengan bahasa perantaraan-nya bahasa kebangsaan, maka saya perchaya pihak Kementerian ini akan gagal di-dalam ikhtiar pertama-nya untuk mengadakan kelas University dengan menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa perantaraan-nya. Saya sangat-lah dukachita, Tuan Pengerusi, walau pun beberapa kepujian dapat di-berikan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka di-dalam kegiatan-nya mengadakan buku² di-dalam bahasa kebangsaan,

akan tetapi di-dalam usaha mengadakan buku² untuk pelajaran University dapat-lah kita mengatakan bahawa pihak Dewan Bahasa dan Pustaka maseh tidak dapat melayakkan diri-nya atau pun dengan kalimah lain, maseh belum dapat menyempurnakan tugas-nya mengadakan dan menyediakan buku² tersebut. Apa yang kita dapati sa-lain daripada mengeluarkan buku² sedikit sa-banyak, maka kadang² ter-nampak bagi kita bahawa kegiatan Dewan Bahasa dan Pustaka itu sa-olah² sedang melayakkan diri-nya menjadi sa-bagai sa-buah Badan perniagaan dengan menchari keuntungan menerbit buku² yang di-adakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu. Tidak-lah kita hendak melarangkan menjual buku² supaya dapat kembali wang-nya, tetapi dengan terus-menerus memikirkan kapada sudut perniagaan sa-mata² maka ini akan mengakibatkan bahawa buku² yang bermutu dan bernilai dan buku² yang merupakan buku² pelajaran untuk sekolah² tinggi seperti University tidak akan dapat di-siapkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku² seperti itu tentu-lah pasaran-nya terlalu sedikit dan faedah dari sudut perniagaan tidak memuaskan. Tetapi buku² itu akan dapat di-beri faedah dari sudut lain, atau dari sudut mempercepatkan lagi langkah membahasa-kebangsaankan seluruh peringkat pelajaran di-dalam negeri ini, terutama sa-kali peringkat sekolah tinggi atau University. Jadi sambil saya mengharap supaya peratus penuntut Melayu mendapat biasiswa itu hendak-lah di-berikan perhatian kapada penuntut² yang sudah mengambil pelajaran di-dalam peringkat kelas persediaan University itu, di-lebuhkan, dan hendak-lah perhatian di-tempatkan kapada langkah² bagaimana-kah kelak nasib mahasiswa yang mengambil pelajaran Pre-University Education bahawa bahasa kebangsaan akan menempoh tahun persekolahan University pada masa akan datang dengan bahasa kebangsaan, dengan tidak ada buku² yang chukup bagi melayakkan mereka dan membolehkan mereka itu belajar dengan hati yang tenang, dengan fikiran yang lapang, dengan tidak payah memikirkan lagi dari mana datang-nya buku² itu.

Tuan Pengerusi, masalah itu jangan-lah di-sifatkan oleh Menteri Yang Berhormat sa-bagai masa alah yang terlalu kechil pernah satu masa Menteri Yang Berhormat itu memberi jaminan bahawa di-peringkat rendah, soal buku² tidak-lah menjadi masalah lagi. Tetapi apa yang kita dengar dalam masa dua tiga hari ini waktu kita membahathkan belanjawan Kementerian Pelajaran ini kita telah dengar bahawa ada sekolah² yang murid²-nya tidak mendapat buku dengan chukup, dan terpaksa murid² itu menchari wang yang lain bagi membeli buku² yang di-kehendaki oleh sekolah itu sendiri sa-bagai buku yang mustahak bagi Pelajaran mereka itu. Jadi sekolah rendah pun telah merupakan satu masalah dalam soal buku, apa lagi dalam sekolah tinggi. Mengadakan buku² untuk sekolah rendah pada masa sekarang ini, tidak-lah begitu sulit, dari sudut mengadakan jenis² buku itu mengikut jenis² pelajaran-nya, sebab sa-lain daripada pehak Dewan Bahasa sendiri menyiapkan, banyak penerbit² tempatan yang menerbitkan buku² pelajaran yang mengikut asas² dasar pelajaran yang di-kehendaki oleh pehak Kerajaan negeri ini. Akan tetapi berhubung dengan buku pelajaran bagi kelas² University yang akan menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa perantaraan yang tidak lagi dapat Kementerian itu mengharapakan penerbit² buku² di-dalam negeri ini. Tetapi buku² yang perlu di-gunakan oleh University itu tidak-lah dapat di-terbitkan begitu sahaja, melainkan pehak Kementerian ini mesti bekerjasama dengan pehak Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menyediakan buku² yang sangat mustahak itu. Saya bimbang penuntut² 28 orang itu akan kechiwa pada masa akan datang, dan akan menjadi korban perhubungan daripada pehak Kementerian ini. Saya tidak mahu mengadakan Pre-University-Education dalam bahasa kebangsaan itu sa-bagai perhubungan sa-mata². Saya mahu langkah itu sa-bagai langkah yang tepat, langkah yang tegas, langkah yang akan di-turuti oleh sa-genap daya dan usaha Kementerian ini pada masa akan datang bagi melayakkan

sa-orang itu masok University Kebangsaan dalam negeri ini yang akan dijadikan bahasa kebangsaan itu sa-bagai bahasa perantaraan-nya.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya bangun yang pertama ia-lah untuk memberi ucapan terima kaseh atas kemajuan pelajaran yang telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri. Dalam pada itu, saya mengaku segala kejayaan² yang di-buat di-kawasan saya, dan saya bagi pehak pengundi² di-kawasan saya mengucapkan terima kaseh. Kemajuan² itu walau pun tidak menchukupi tetapi boleh-lah di-katakan 90 peratus telah berjaya, jadi tinggal lagi 10 peratus. Jadi, saya hendak berchakap satu dua perkara untuk minta pertimbangan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris ada satu sahaja di-Mentakab di-mana lebih kurang 300 murid dari Temerloh terpaksa pergi ka-Mentakab. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengadakan satu sekolah rendah bagi kawasan Temerloh sendiri untuk murid² yang 300 orang itu yang terpaksa menggunakan bas dari Temerloh ka-Mentakab. Bilangan ini bukan-lah kechil. Oleh itu, saya harap di-dirikan sa-buah sekolah rendah jenis Inggeris di-Temerloh sendiri.

Yang kedua, dalam kawasan saya penduduk-nya 85,000 daripada-nya terdiri daripada orang Melayu dan banyak sekolah kebangsaan. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengadakan sekoiah menengah kebangsaan di-tempat saya.

Sekarang saya berchakap berkenaan dengan Penyenggaraan Sekolah dan Asrama Bantuan Penoh. Saya harap peruntokan ini kalau boleh di-beri kapada anak perajurit atau askar yang mana mereka telah merayu supaya di-beri peruntokan, sebab mereka itu terpaksa berkhidmat dengan tidak tetap pada satu² tempat dan terpaksa berpindah dari satu tempat ka-satu tempat, terutama negeri kita pada masa ini di-ancham oleh negara luar di-mana mereka terpaksa di-pindah dari satu tempat ka-satu tempat dengan chepat dan selalu. Pada masa yang lalu mereka

telah merayu kepada Pegawai Tinggi, tetapi telah di-beri jawab ia-itu tidak ada kosong dalam asrama itu dan tidak dapat di-khaskan kepada mereka itu. Kesulitan anak parajurit ini patut-lah Yang Berhormat Menteri menimbangkan dan memberi kesenangan kepada mereka. Sa-patut-nya pada masa yang lalu anak² perajurit kita di-masokkan dalam Federation Military College, tetapi mushkil-nya tidak dapat, saya tidak tahu apa sebab-nya. Kita patut menimbangkan supaya anak² perajurit itu dapat masuk dalam Federation Military College. Saya tahu pada masa ini kebanyakan penuntut yang ada di-Federation Military College bukan daripada anak² perajurit kita, tetapi anak hartawan dan orang yang berwang yang boleh menghantar anak-nya ka-tempat lain.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu berhubung dengan Pemberian Bantuan Terkanun di-Pechahan Kepala 44. Saya telah mendapat rayuan daripada sekolah jenis kebangsaan China di-kampung² baharu supaya darjah² di-tambah lagi, terutama sa-kali di-Kerayong, Mengkarak dan Kemayan. Mereka itu tidak tahu di-mana hendak minta untuk menambah darjah, sebab di-tulis kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, jawab-nya minta kepada Kementerian Pelajaran, minta kepada Kementerian Pelajaran, jawab-nya minta kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya harap Kementerian ini memikirkan untuk menambah lagi darjah² di-sekolah kebangsaan jenis China dalam kawasan² Kampung Baharu.

Sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Pengajaran Ugama yang di-utokkan sa-banyak \$5,000,000. Saya berpendapat semua sekolah ugama Islam dalam tanah ayer kita ini pada masa ini tidak ada satu sistem pelajaran atau satu dasar yang tetap. Oleh itu, saya rasa Kerajaan patut mengambil alih sekolah² ini dan mengadakan satu sistem yang sama dan juga di-beri wang dengan chukup supaya mereka itu berjalan dengan terator dan baik. Pada masa ini saya perhatikan tiap² sekolah mengadakan pelajaran ikut suka masing². Saya fikir oleh kerana kita telah mengaku ugama

Islam menjadi Ugama Rasmi negara ini patut-lah di-awasi sekolah² ini, kerana saya takut pengajaran yang bertentangan dengan chara² Islam akan menjadi². Oleh itu, untok mengawasi perkara ini patut-lah sekolah² ini di-awasi oleh Kerajaan.

Sa-lain daripada itu berhubung dengan Biasiswa di-Pechahan Kepala 96. Kita mengaku biasiswa ini patut di-banyakkan kepada orang² yang betul² miskin, bukan sahaja kepada orang² Melayu, tetapi kepada semua ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu. Saya perhatikan chara memberi biasiswa pada masa yang lalu tidak-lah memuaskan hati, sebab biasiswa itu di-beri dahulu sa-belum keputusan pepereksaan di-ishtiharkan. Hal ini telah berlaku di-tempat saya di-mana dua orang murid pada tahun yang lalu mendapat Grade A untok masuk sekolah menengah, tetapi sa-telah mendapat keputusan pepereksaan apabila mereka minta bantuan biasiswa telah di-beri jawapan oleh pihak yang bertanggung-jawab: pada masa ini permintaan biasiswa telah di-tutup. Dalam hal ini saya telah berchakap pada tahun² yang lalu berkenaan dengan chara memberi biasiswa kepada mereka yang hendak masuk universiti. Saya fikir peratoran itu patut di-pinda dan permintaan biasiswa itu jangan-lah di-tutup dan di-bolehan kepada mereka yang sa-telah mendapat tahu keputusan pepereksaan meminta-nya peluang ini di-beri kepada mereka yang betul² miskin dan susah. Jadi dua orang murid yang saya katakan tadi oleh sebab mereka tidak minta terpaksa-lah berhenti, sebab mereka ini miskin. Oleh itu, saya menchadangkan . . .

Mr Chairman: Masa sudah chukup. Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 4.30 petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1964

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

Head S. 15, S. 66D and S. 67AA—

Debate resumed on Question:

That the sums of \$256,524,792, for Head S. 15, \$12,701,570 for Head S. 66D and \$15,785,383 for Head S. 67AA stand part of the Schedule.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya berkenaan dengan chara² memberi biasiswa kepada murid², maka untuk mengelakkan tuduhan berat sa-belah, atau pun pilih kaseh, saya mengeshorkan supaya badan² untuk memilih murid² daripada orang² yang betul² berhak menerima biasiswa ini, ia-itu hendak-lah terdiri daripada wakil penjaga kanak², wakil daripada pehak Kerajaan dan juga wakil² ra'ayat. Tempoh mereka untuk menyandang dalam jawatan ini tidak-lah lebeh daripada satu penggal ia-itu sa-tahun. Jadi, dengan chara ini, pada pendapat saya tidak-lah ada kemushkilan untuk chara² bagi memberi biasiswa ini, dan juga hendak-lah di-beri peluang kepada peminta² sa-lepas peperiksaan, atau pun sa-lepas peperiksaan pada tiap² tahun.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, atas perkara Pechahan Kepala 103—University Malaya, muka 165. Perjalanannya universiti ini, rasa saya bolehlah di-katakan memuaskan hati, tetapi pada masa² yang lampau ini, penjaga² kanak², atau pun ibu bapa berasa gelisah, oleh sebab pergaulan yang tidak ada batas antara penuntut² perempuan dengan penuntut² laki², jadi dengan itu, saya berfikir patut-lah sampai masa-nya pula kita menimbangkan bagi mengadakan universiti untuk penuntut² perempuan sa-bagaimana yang di-buat di-negeri² lain yang mana saya telah lihat ia-itu di-Philipina.

Jadi dengan jalan ini kekuatiran penjaga kanak² akan dapat di-redakan dan perkara yang menjolok mata tidak-lah menjadi² lagi. Sunggoh pun perkara ini perkara besar tidak-lah saya berkehendakkan di-buat dengan serta-merta tetapi saya perchaya dapat di-timbangkan pada permulaan-nya sahaja.

Di-dalam Pechahan Kepala 45 muka sa-rupa juga ia-itu kita mengadakan wang untuk mengajar ugama Islam. Saya rasa College Islam yang ada pada masa ini telah lama boleh di-katakan maju dan elok. Jadi saya rasa patut-lah di-lanjutkan lagi tempat pelajaran² bagi mereka² yang suka untuk mengambil bahagian yang tinggi dalam pengajian ugama Islam ini ia-itu di-adakan University bagi pengajian² ini. Saya, pada dua tiga bulan dahulu ada terbacha dalam surat² khabar, usaha² akan di-jalankan oleh pengarah²-nya, pada masa ini saya perchaya dapat Menteri Yang Berhormat ini juga mengambil chergas bersama² dengan usaha daripada College Islam untuk menchiptakan University Islam di-tanah ayer kita ini dan ini saya rasa sesuai-lah dengan Perlembagaan kita.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya membuat sedikit dua tiga chadangan untuk pengetahuan dan pertimbangan Menteri Yang Berhormat ia-itu berkenaan dengan pelajaran² tingkatan Sekolah Tinggi, Sekolah Menengah dan atasan-nya yang ada pada masa ini. Saya memandangkan pelajaran² kita yang ada pada masa ini ia-lah sa-chara liberal education, ini pada pandangan saya tidak-lah memberi jaminan kepada anak² kita yang ada kelulusan daripada peringkat Sekolah Menengah atau pun atasan. Dengan itu saya memandangkan banyak anak² kita yang chenderong pada satu² pelajaran tetapi oleh sebab dasar pelajaran liberal maka mereka tersangkut dalam beberapa peringkat. Jadi kedudukan hal ini saya katakan patut-lah Menteri Yang Berhormat ini dapat memikirkan supaya kita mengadakan specialist education di-mana kita dapat memberikan peluang kepada mereka² yang chenderong di-dalam satu² perkara umpama-nya sa-orang murid yang chenderong kepada mathematic mana-nya dia tidak berapa chergas mengambil bahagian yang lain di-benarkan dia boleh meningkat daripada Sekolah Menengah dan sekolah atasan—University. Jadi dengan chara ini terjamin-lah anak² kita yang belajar itu. Saya pandang sekarang banyak anak² kita yang patut boleh pandai tetapi oleh sebab terpaksa

pass perkara² yang mustahak maka dia tertinggal di-belakang. Jadi saya rasa dalam hal ini-lah terutama sa-kali patut mulakan dari Sekolah Menengah ka-atas.

Sa-lain daripada itu satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan membuat rumah² sekolah atau mengadakan sekolah² di-kampung². Pada masa yang lampau Pejabat Pelajaran membuat sekolah tidak menimbangkan kesulitan² orang² kampung. Umpama-nya di-tempat saya ya'ani sungai Pahang itu satu sungai yang besar tetapi apabila membuat sekolah tidak pula di-fikirkan murid² yang kechil² bagaimana 7 atau 8 tahun menyeberang di-sungai yang besar itu. Jadi apa-kah akibat-nya jika masa bulan November dan December sungai Pahang ini bah dan murid²-nya tidak dapat belajar. Jadi dapat-lah di-timbangkan supaya dalam membuat sekolah ini saya harap jangan membuat sekolah² yang memaksa anak² itu menyeberang sungai dan kalau bulan November dan December murid² kita itu tidak dapat mengaji. Jadi apabila membuat sekolah biar-lah darjah satu dua dan tiga itu di-buat di-kampung² situ sahaja tidak-lah murid² ini terpaksa menyeberang di-sungai itu. Banyak tempat telah berlaku kejadian seperti itu dan beratus² anak yang mengaji itu ada yang jatuh.

Lagi satu perkara berkenaan dengan Sekolah Lanjutan ini, saya harap-lah bagaimana yang telah di-janjikan oleh Menteri Yang Berhormat akan di-fikirkan balek. Kerana Sekolah Lanjutan ini akan habis tempoh-nya pada bulan February. Jadi hendak-lah di-sambong balek apa keputusan yang telah di-buat oleh Menteri itu supaya tidak-lah anak² ini tergendala ia-itu murid² yang sedang belajar itu kalau dia giat pula dalam pelajaran-nya dia hendak-lah di-sambongkan lagi. Jadi sa-kira-nya besok keputusan Jema'ah ini lambat daripada masa itu maka terpaksa-lah murid² yang belajar di-sekolah ini terpaksa keluar.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan kepada Menteri supaya mengambil perhatian berat berkenaan dengan guru² sekolah² Melayu yang mengambil pepereksaan F.M.C. atau

Sijil Pelajaran Persekutuan. Galakan yang telah di-berikan itu sangat-lah memuaskan dan mendapat sambutan baik daripada guru² kita. Tetapi di-sini ada sedikit kekuatiran kepada guru tua pula. Jadi guru² muda mereka² yang lulus di-dalam pepereksaan ini boleh melompat gaji-nya daripada \$180 pada masa ini, ambil pepereksaan apabila dia lulus pepereksaan itu dia melompat ka-\$310. Tetapi pada guru² tua yang tidak dapat gaji \$310 itu tidak ada galakan. Jadi saya rasa ini satu chara membuatkan guru² yang lama itu tidak giat. Saya rasa elok-lah juga kita buat satu chara bagaimana sa-masa belum perang dahulu yang saya tahu guru² yang lulus Raffles College yang dapat diploma dapat pendapatan yang tetap daripada kelulusan itu dan dia akan di-masokkan dalam pensionable. Jadi dengan ini tiap² guru akan bergiat walau pun dia tua tetapi dia bergiat mengambil pelajaran dalam pada itu ini akan menambahkan lagi keelokan dalam pelajaran kita.

Yang penyudah-nya, Tuan Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan hal Pechahan Kepala 12 berkenaan dengan membuat hostel. Saya merayu-lah kepada Menteri Yang Berhormat, pada masa ini hostel² ini di-buat untuk murid² lelaki sahaja tetapi saya di-desak oleh orang² kampung meminta supaya hostel² itu di-adakan juga untuk pehak murid² perempuan. Terutama sa-kali di-negeri saya ia-itu kedudukan sangat berat, berjalan menyeberangi sungai dari kampung² yang jauh, jadi keselamatan anak² ini sangat di-khuatirkan oleh ibu bapa kita. Jadi kalau di-adakan hostel perempuan, ini-lah akan melegakan fikiran dan kesusahan daripada ibu bapa anak² itu dan boleh melanjutkan pelajaran ka-atas lagi. Dengan itu saya rasa, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh kerana dalam ucapan Menteri pada pembukaan kelmarin telah menerangkan kejayaan kita semenjak beberapa tahun dahulu telah nampak kepada kita terutama sa-kali di-tempat saya beberapa banyak bangunan² yang chantek² dan besar². Dengan ini saya menafikan-lah segala tuduhan daripada party Pembangkang yang mengatakan kita tidak membuat apa² di-dalam hal pelajaran ini.

Penghulu Francis Umpau anak Empam (Sarawak): Mr Chairman, Sir, in supporting these estimates, I would like to endorse the speeches of my colleagues from Sarawak, particularly on rural education and the training of teachers in order to meet our needs in the expansion of education in Sarawak. However, Sir, I would like to refer to what the Honourable lady member from Sarawak said this morning regarding the official language in Sarawak. I was one of the members of the Inter-Governmental Committee and I could say this, Sir: English will remain the official language of Sarawak for 10 years after which period it can be reviewed and determined by the Council Negri. Now I refer to the Malaysia Agreement, page 42, Chapter 2—Borneo States, No. 61 (1)—

"No Act of Parliament terminating or restricting the use of the English language for any of the purpose mentioned in Clauses (2) to (5) of Article 152 shall come into operation as regards the use of the English language in any case mentioned in Clause (2) of this Article until ten years after Malaysia Day."

So, Sir, this is one of the safeguards of Sarawak. Sir, I do not intend to criticise the Honourable lady member, but I just want to point out the fact.

Another point raised by the Honourable lady member from Sarawak concerns administration. In my opinion, for efficient administration all the administrative powers should be delegated to the Government of the State of Sarawak, who being on the spot, can exercise effective control over its education and discharge the responsibilities effectively instead of referring to the Central Government many hundreds of miles away. At present some of the schools are infiltrated by subversive elements and it is high time that politics should be kept out of schools, so that students can have a peaceful atmosphere for their studies. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Mohd. Salleh (Segamat Utara): Tuan Pengerusi, sa-panjang perbelanjaan yang di-bekalkan kepada Kementerian ini, pada saya terang menunjukkan satu perbekalan yang chukup mengenai dengan kewangan dalam perkara pela-

jaran. Bagitu juga sa-panjang apa yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai dengan perbekalan ini, terang sa-kali kapada saya menunjukkan bahawa perbekalan ini memang sa-lengkap perbekalan² yang memberi kuasa yang sangat chergas kapada melichinkan jentera² untuk menjalankan dasar² pelajaran di-dalam negeri ini. Saya juga, Tuan Pengerusi, telah mengikuti perbahathan yang bagitu panjang yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini, saya mengambil pengertian daripada perbekalan yang di-perbahatkan dengan bagitu panjang tidak terlepas kapada tujuan menyampaikan kapada matlamat yang tertentu yang benar² menunjukkan akan perkaitan-nya dengan soal pelajaran.

Mr Chairman: Kalau itu-lah dia punya chakap-nya, hanya-lah kapada dasar am-nya, tetapi saya benarkan sa-bagai mukaddimah sahaja, tetapi jangan di-panjang²kan lagi.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Mohd.

Salleh: Terima kaseh, Tuan Pengerusi, daripada perbahathan yang bagitu panjang kesimpulan-nya tentu-lah mengenai dengan beberapa perkara yang tertentu ia-itu mengenai dengan kanak² sekolah atau kanak² di-dalam negeri ini. Yang kedua mengenai dengan ibu bapa kanak² di-dalam negeri ini, yang ketiga-nya mengenai dengan guru² yang mengambil bahagian mengajar, yang keempat-nya dalam soal yang berkaitan dengan pentadbiran-nya. Kalau kanak² soal-nya sudah-lah selesai bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri, kanak² tidak ada lagi yang tertinggal daripada berpeluang masuk di-dalam sekolah². Tiap² kanak² yang berumur masuk sahaja 7 tahun mestilah ada tempat di-dalam sekolah. Mengenai dengan soal ibu bapa pula berkisar-lah satu soal yang panjang dan boleh di-pendekkan pula sa-bahagian besar-nya berkaitan dengan soal perbekalan kanak² di-dalam sekolah yang berkaitan rapat kapada soal² ekonomi ibu bapa itu sendiri. Di-dalam soal guru² ini memang-lah di-dalam atau di-bawah tadbiran Kementerian yang berkenaan ini dan sedang berjalan dengan susunan yang bagitu rapi

yang menunjukkan di-negeri ini guru² sekolah walau bagaimana pun akan sampai kepada memuaskan hati ra'ayat negeri ini mendapatkan yang guru² yang benar² boleh menentukan nasib anak² masa yang akan datang. Dari soal pentadbiran yang saya katakan tadi memang-lah kerja bagi Kementerian ini dengan di-ketuai oleh Menteri Yang Berhormat-nya tidak terlepas daripada berusaha bersungguh² supaya dasar pelajaran negeri ini dapat di-chiptakan dengan sa-penoh²-nya. Dalam pada itu saya telah nampak, Tuan Pengerusi, perkara yang sama ada mustahak atau pun tidak, tetapi mengikut pandangan dan pendapat saya bagi hendak membetuli kepada apa yang di-maksudkan oleh perbahathan yang begitu panjang itu tadi, saya kalau boleh biar-lah menhadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, elok-lah perkara yang bagini perhitungan yang amat besar dalam soal pelajaran ini di-ikhtiarkan satu jalan di-bawah usaha² pentadbiran sekolah di-bawah Yang Berhormat Menteri ini dapat di-bentok satu jalan bagaimana hendak mempertemukan pokok yang menjadi paling mustahak sa-kali dalam soal pelajaran. Saya nampak pokok yang patut di-chantumkan di-antara pokok² yang saya sebutkan empat perkara tadi boleh-lah saya reangkakan lagi dua pokok ia-itu pehak ibu-bapa dan pehak guru². Walau bagaimana pun panjang-nya di-perbahatkan perkara ini kalau di-antara guru² dengan pehak ibu-bapa tidak dapat di-pertemukakan untuk hendak menyelesaikan segala perkara yang ada sangkut-paut dan mengenai dengan soal pelajaran barang sudah tentu-lah perbahathan sa-umpama itu akan melarat dan berlanjutan. Saya katakan dua perkara yang paling mustahak ini yang patut mendapat perhatian daripada Kementerian Pelajaran berusaha, umpama-nya, pada masa ini sudah pun ada di-tiap² sekolah itu dengan Jema'ah Pengurus-nya. Terang-lah kepada sa-siapa pun bahawa Jema'ah Pengurus sekolah ini boleh di-jadikan satu gambaran yang terang menjadi satu pehak yang boleh memperhubungkan di-antara ibu-bapa dengan guru². Tuan Pengerusi, terang-lah saya nampak

kalau dapat di-usahakan sa-lanjut-nya dengan ada-nya Jema'ah Pengurus ini kalau dapat di-pandu untok membuat pertemuan yang saya katakan itu, dan pertemuan² di-antara dua pehak atau pokok yang mustahak itu yang saya katakan tadi dapat-lah pehak guru² membentangkan segala perkara yang ada sangkut-paut dengan soal² pelajaran kepada ibu-bapa murid². Bagitu juga pehak ibu-bapa-nya sendiri, sama ada soal ekonomi dan yang ada berkaitan dengan bekalan anak-nya ka-sekolah dapat di-bentangkan kepada pehak guru supaya dapat menyelesaikan satu² yang boleh menchapai maksud kejayaan pelajaran anak² itu dapat di-laksanakan dengan sa-berapa chepat-nya.

Pada hari ini, Tuan Pengerusi, kita nampak-lah ekonomi ibu-bapa tidak chukup untok bekalan anak²-nya itu, maka jatuh dan tertanam-lah perasaan ibu-bapa sa-enggat mana anak-nya yang telah bersekolah itu berhenti satakak mana yang boleh, tetapi bagi pehak ibu-bapa yang mempunyai ekonomi yang kuat dan mempunyai bekalan yang chukup, anak²-nya itu bukan sahaja mendapat peluang dudok di-bangku sekolah, tetapi mereka berpeluang pula lagi boleh membuat atau mengadakan bangku pelajaran di-rumah²-nya sendiri. Maka soal yang saperti ini-lah yang saya katakan tadi elok sangat sa-kira-nya berguna kepada pehak Kementerian Pelajaran ini. Saya chadangkan-lah supaya dapat di-ikhtiarkan pertemuan dua pokok yang amat mustahak itu dan kalau benar atau tidak sa-bagaimana contoh negara² yang berkemajuan yang saya dengar daripada chakap² orang memang-lah pertemuan di-antara ibu-bapa dengan guru² ini elok sangat di-adakan, sebab sudah di-buat oleh negara² yang berkemajuan di-dalam dunia ini. Saya rasa, Tuan Pengerusi, chukup-lah satakak ini ucapan saya. Terima kaseh.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Pengerusi, Dewan ini telah mendengar ucapan atau keterangan yang lanjut dan jelas, telah di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, yang bersangkutan dengan mengadakan, dan memberi pelajaran terhadap kanak² di-negeri ini.

Di-sini, Tuan Pengerusi, boleh-lah saya memberi sukatan dan ukuran, bahawa mengambil berat-nya dan bersusah-payah-nya Kerajaan Perikatan melalui Kementerian Pelajaran-nya pada melancarkan tugas-nya mengenai pelajaran daripada sa-tahun ka-sa-tahun. Buat sementara ini jika kita ukor dengan tarikh kemerdekaan yang kita chapai ini ada-lah membanggakan, Tuan Pengerusi, tetapi sambil itu saya mengambil peluang juga memohon perhatian kepada Kementerian yang berkenaan ini ia-itu di-muka surat 161 Pechahan Kepala 45—Pemberian Untuk Pengajaran Ugama di-Sekolah Rendah, Sekolah Pelajaran Lanjutan dan Sekolah Menengah yang di-bantu. Tuan Pengerusi, saya memohon perhatian Kementerian ini supaya dapat mengadakan sa-buah maktab perguruan ugama Islam bagi melancarkan atau bagi kelancaran pelajaran ugama Islam di-sekolah² rendah dan menengah kebangsaan seperti mustahak-nya perguruan yang lain. Tuan Pengerusi, sa-bagaimana kesulitan sedang di-alami kekurangan guru² yang berkebolehan dan layak untuk di-tugaskan bagi memenuhi kehendak dasar pelajaran ia-itu tiap² sekolah yang mempunyai 15 orang murid Islam hendak-lah di-adakan kelas pelajaran ugama Islam sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi. Saya tidak memanjangkan dalam hal ini.

Sa-lain daripada itu, berkenaan dengan Maktab² Latehan Guru di-muka 139. Sambil negara kita sedang dalam pembangunan ada-lah menjadi kerja baik dan membanggakan jika Kerajaan dapat mengadakan maktab atau kolej perguruan urusan rumah-tangga. Saya ketahui yang mana Kerajaan Perikatan telah dapat mengadakan seperti Taman Asohan RIDA dan juga sa-buah lagi yang ada di-seberang Perai, tetapi hajat dan chita² saya supaya Kerajaan dalam pembangunan negara seperti negeri² yang telah maju hendak-lah kita mengadakan kolej tempat melateh orang yang bakal menjadi guru yang akan pergi ka-luar² kampung itu di-letakkan di-taman asohan atau sa-bagai-nya untuk mengajar kepada wanita muda yang mana bakal menjadi isteri dan

ibu. Saya tidak-lah memanjangkan atas perkara bagaimana mustahak-nya hendak mengadakan guru dan mustahak-nya hendak memberi latehan yang sempurna kepada wanita muda yang akan bakal menjadi isteri dan ibu.

Sambil itu saya fikir perkara ini ada bersangkutan-paut juga dengan pelajaran yang mana lancar-nya Kerajaan Perikatan melalui Kementerian Pelajaran memberi dan mengadakan pelajaran kepada kanak², maka saya dapati yang mana seperti negara kita yang sedang maju ini di-kalangan keluarga atau ibu-bapa kanak², telah sedar atas kewajiban masing² memberi didekan pelajaran yang sempurna kepada anak²-nya, maka telah ada juga rungutan² daripada keluarga atau pun ibu-bapa kanak² supaya dapat Kerajaan menganjor atau mengadakan sekolah atau darjah Taman Didekan Kanak² Kechil di-sekolah rendah atau pun sekolah menengah buat sementara ini.

Tuan Pengerusi, kerana mustahak-nya juga di-adakan ini sa-bagaimana yang saya katakan tadi, telah ada keinginan daripada ibu kanak² kechil ini supaya anak-nya telah berumur empat tahun sa-hingga akan hendak masuk sekolah yang sa-benar-nya dapat di-beri peluang untuk di-beri didekan melalui taman didekan sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi, dan juga sekarang ini telah di-adakan sekolah², atau pun kelas² sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi, tetapi, Tuan Pengerusi, ini ada-lah di-adakan, atau di-kelolakan oleh orang² persaorangan, anjoran seperti ini ada-lah seperti kerja berniaga, dan di-kenakan bayaran yang mahal ia-itu \$15 hingga \$20. Ini ada-lah menjadi kesulitan kepada ibu bapa yang berpendapatan kechil, tentu ta' dapat menghantar anak-nya ka-sekolah² yang tersebut ini.

Tuan Pengerusi, dari itu, saya suka memberikan pandangan saya terutama-nya atas apa yang saya katakan tadi, ini mustahak di-kajikan, dan dengan itu juga di-harap Kerajaan dapat memberi bantuan sekolah taman didekan yang di-kelolakan oleh lembaga, atas apa kesulitan mereka menjalankan atau mengendalikan anjoran-nya yang di-hargai itu.

Ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, pandangan saya terhadap Kementerian Pelajaran ini, mudah²an ada juga baik-nya atas pandangan saya ini untuk kebaikan kita bersama. Terima kasih.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, pagi tadi saya telah merayu kepada Ahli² Yang Berhormat supaya berchakap sa-berapa pendek, kerana masa-nya terlalu panjang untuk membahathkan peruntokan bagi Kementerian Pelajaran ini. Hari ini yang ketiga dan di-hadapan saya ini ada lagi 45 Kepala yang hendak di-bahathkan dalam tempoh 7 hari sahaja. Lagi sa-kali saya merayu dengan ikhlas-nya kepada Ahli² Yang Berhormat supaya menumpukan hujah² dengan tepat, sa-berapa pendek supaya saya dapat beri peluang kepada Menteri Pelajaran menjawab-nya, dan jangan-lah di-ulangkan apa² yang sudah di-chakapkan sa-lama tiga hari dalam Majlis ini.

Enche' Abdul Rauf bin A. Rahman (Krian Laut): Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang Dato' Pengerusi terangkan tadi masa kita sudah singkat, saya tidak-lah berhajat hendak berchakap lebeh panjang, saya chubalah sa-daya upaya saya memendekkan sa-pendek²-nya.

Tuan Pengerusi, mengikut Anggaran Perbelanjaan yang di-untokkan bagi Kementerian Pelajaran bagi tahun ini, saya dapati ada-lah berlebeh \$256,524,792 daripada tahun sudah, dan saya perchaya dengan penerangan Anggaran Perbelanjaan ini, boleh-lah saya katakan tidak ada sa-siapa pun yang boleh mengatakan ada-lah Kerajaan kita ia-itu Kerajaan Perikatan ini bankrupt, jikalau bankrupt sudah tetap Anggaran Perbelanjaan ini tidak meningkat sampai \$256,524,792.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap sedikit pada muka 161, Pechahan Kepala 44—Pemberian Bantuan Terkanun. Saya kurang faham atas perkara ini, Tuan Pengerusi, jikalau saya tersilap, tolong tegorkan, atau pun saya boleh berhentikan ucapan saya. Kita sudah dengar dalam Dewan ini ia-itu Yang Berhormat Menteri Pelajaran sudah menerangkan dengan sa-terang²-nya untuk menggunakan wang yang di-untokkan kepada Kementerian ini ia-itu bagi

memberi pelajaran kepada anak² kita di-dalam Persekutuan Malaysia ini. Di-sini, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri itu yang telah membuat anggaran di-atas penerangan-nya tadi, hanya saya suka hendak berchakap sedikit ia-itu berkenaan dengan fasal sekolah. Mengikut keadaan sekolah yang ada sekarang ini khas-nya ia-itu umpama-nya tiap² sekolah itu di-dirikan ta' kurang daripada tiga batu antara satu sekolah dengan satu sekolah, dan mengikut masa yang ada sekarang ini sa-bagaimana yang di-terangkan ia-itu kanak² yang berumur tujuh tahun ada-lah di-beri jaminan untuk belajar di-sekolah, tetapi mengikut keadaan sekolah yang ada sekarang ini sudah tentu ta' ada tempat bagi kanak² ini untuk hendak belajar. Dalil-nya, dahulu kita jarang²-lah boleh di-katakan sekolah² itu ada belajar pada sa-belah petang, tetapi sekarang ini di-dalam kawasan saya, saya tidak tahu di-kawasan² lain pula, kebanyakan sekolah² itu murid²-nya belajar pada sa-belah petang, di-sebabkan sekolah² itu kecil dan kelas²-nya ta' chukup. Di-sini, saya berasa sedih, ia-itu ada-lah kanak² yang belajar di-sekolah ini umur-nya di-antara tujuh atau lapan tahun, yang belajar pada sekolah petang, mula² sekolah itu di-buka pada pukul satu sa-tengah dan tutup pada pukul enam sa-tengah. Enam sa-tengah murid² hendak balek ka-rumah dalam satu batu atau tengah dua batu, dan mengambil masa sampai pukul tujuh malam, terutama di-kawasan saya itu menempoh parit², bukan ada jalan besar macham di-sini. Ini pun satu merbahaya juga. Jadi, di-sini saya mengshorkan kepada Kementerian ini ia-itu hendak-lah di-buat sekolah² itu, jangan-lah berpanduan kepada tiga batu bagi satu² sekolah itu, buat-lah sekolah itu jarak-nya di-antara dua batu, atau tengah dua batu bagi satu² sekolah yang di-fikirkan di-mana tempat-nya yang mustahak, yang banyak penduduk² dan murid² yang belajar di-tempat itu, dan sekolah² itu bukan-lah saya maksudkan mesti buat dengan belanja sa-banyak \$20,000 atau \$50,000—tidak, buat-lah sekolah² itu untuk sementara sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat

Menteri Kewangan di-dalam ucapan-nya masa yang sudah, ia-itu kita hendak membuat sekolah² ini bukan sahaja jikalau kita tidak menchukupi duit, biar pun atap nipah, kita hendak buat juga sekolah itu untuk memberi murid², atau kanak² itu belajar di-sekolah.

Jadi, ini-lah satu perkara yang saya fikir patut-lah sangat² di-timbangkan oleh Kementerian ini berkenaan dengan fasal sekolah², di-buat sekolah² itu jangan-lah mengikut ukuran tiga batu atau pun lebeh tiga batu di-antara satu sekolah dengan satu sekolah, tetapi buat-lah di-antara dua batu, atau pun tengah dua batu bagi satu² sekolah itu, dan sekolah² itu jangan-lah di-buat chantek sangat sampai memakan belanja empat atau lima puluh ribu ringgit, tetapi buat-lah sa-kadar yang kita fikirkan boleh tahan di-antara lima hingga sepuluh tahun. Dan dengan ini, saya perchaya murid² atau pun kanak² yang belajar di-sekolah² itu dapat-lah belajar di-sabelah pagi dan tidak lagi di-sabelah petang sa-bagaimana yang telah terjadi di-kawasan saya sendiri di-mana sa-orang murid sudah jatuh dalam parit dan mati. Ini ia-lah sebab-nya belajar sekolah petang—merbahaya sangat. Di-sini atau di-tempat² lain boleh di-katakan kalau kanak² itu balek ka-rumah-nya mereka ta' berjumpa dengan parit ayer, tempat saya ia-lah kawasan sawah, boleh di-katakan sampai satu batu, tengah dua batu jauh-nya masok ka-dalam. Jikalau pukul enam sa-tengah sekolah ini baharu tutup, habis kelas itu kanak² hendak balek ka-rumah, budak² yang berumur di-antara tujoh atau lapan tahun itu terpaksa pula ibu bapa-nya datang menunggu di-tepi² jalan. Ini merbahaya kepada kanak² itu. Jadi, ini-lah yang saya dapat shor-kan kepada Kementerian ini, mudah²-an akan mendapat pertimbangan dengan sa-elok² timbangan, bukan sahaja untuk memberi pelajaran kepada anak² kita, tetapi juga untuk menjaga keselamatan murid² yang belajar di-sekolah² itu.

Sekian-lah terima kaseh, dan di-sini saya lagi sa-kali mengatakan dan menguchapkan terima kaseh, dan tahniah kepada Kementerian Pelajaran

yang telah mengadakan peruntokan-nya sa-banyak \$256,524,792 untuk kegunaan bagi Kementerian Pelajaran.

Enche' Abdul Samad bin Osman (Sungei Patani): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-muka 136 ia-itu bersangkutan dengan Pentadbiran Pejabat. Di-Kedah, Tuan Pengerusi, ada beberapa sekolah menengah tetapi chuma satu sekolah menengah sahaja yang ada kelas Form VI ia-itu Sekolah Sultan Abdul Hamid College yang ada mempunyai murid² sa-banyak 1,500 orang. Oleh sebab ada banyak lagi sekolah yang besar², saya perchaya patut-lah Tingkatan VI ini di-beri juga kepada sekolah² lain yang ada murid²-nya lebeh kurang 1,500 orang. Di-Sungei Patani ada satu sekolah besar yang di-panggil Sekolah Menengah Ibrahim yang ada murid² sa-banyak 1,624 orang ia-itu lebeh banyak murid²-nya dari College Alor Star lagi. Di-sana tidak ada kelas Tingkatan VI. Sekolah ini ia-lah bagi budak² yang datang bukan sahaja daripada satu jajahan sahaja tetapi tiga jajahan ia-itu Kuala Muda, Sek dan Baling. Pada hari ini sekolah itu ada 5 stream kelas Tingkatan V murid²-nya lebeh kurang 150 orang. Kalau kita taksir 20 peratus budak² itu boleh lulus dan ada harapan pergi mengambil kelas Tingkatan VI supaya boleh pergi ka-universiti lebeh kurang sudah jadi 30 orang. Kalau budak² yang 30 orang ini boleh pergi ka-universiti mereka terpaksa-lah kena belajar Tingkatan VI di-Alor Star atau pun Pulau Pinang atau pun di-Perak. Tentu-lah sangat susah kerana tempat itu jauh dan belanja-nya pun banyak maka dengan kerana itu-lah saya harap kepada Kementerian ini tolong-lah timbangkan dengan teliti, saya fikir mustahak-lah sangat di-adakan satu kelas Tingkatan VI di-sekolah² menengah di-Sungei Patani dan budak² di-jajahan Kulim pun boleh datang sebab dekat.

Perkara yang kedua ia-lah muka 159 bersangkutan dengan Pechahan Kepala 12 ia-itu Penyenggaraan Sekolah dan Asmara (*Ketawa*); ma'af, Tuan Pengerusi, saya selalu silap dengan asrama ini.

Mr Chairman: Bacha itu betul² sadikit (*Ketawa*).

Enche' Abdul Samad bin Osman: Nampak-nya ejaan asrama itu samacham dengan ejaan asmara. Penyenggaraan Sekolah dan Asrama Bantuan Penoh, peruntokan-nya sabanyak \$4,600,000. Tuan Pengerusi, Sekolah Ibrahim di-Sungei Patani yang ada murid²-nya sabanyak 1,624 orang, chuma ada sa-buah asrama yang kechil sahaja yang boleh mengandongi 60 orang murid. Kalau kita bandingkan dengan 1,600 orang chuma 60 orang sahaja boleh dudok berma'ana 3 persen daripada budak² dalam sekolah itu boleh dudok dalam asrama itu. Jadi sa-bagaimana saya katakan tadi oleh sebab kanak² itu datang daripada tiga jajahan jadi sangat-lah susah kapada murid² itu chari rumah hendak dudok. Tiap² tahun ada banyak permintaan daripada ibu bapa di-tempat² yang jauh dalam mukim Baling, Sek dan Kuala Muda meminta hendak dudok tetapi tidak dapat di-penohi maka, kerana itu-lah saya juga meminta kapada Menteri ini kalau boleh buatkan-lah sa-buah lagi asrama yang boleh muat 100 orang kanak², champorkan dengan 60 murid di-asrama yang burok itu. Saya ingat ini bukan-lah berat sangat.

Yang ketiga dalam muka 144 ia-itu Penuntut² Malaysia di-luar negeri. Dalam perkara tajok (iv), saya tengok di-sini di-Australia ada peruntokan sabanyak \$58,132 tetapi di-New Zealand tidak ada. Saya ingat kita ada juga penuntut² yang belajar di-New Zealand tetapi barangkali oleh sebab kita tidak ada mempunyai Duta di-New Zealand, Duta kita di-Australia yang menjaga-nya. Saya suka-lah memberi tahu kapada Menteri Yang Berhormat ini ketika saya pergi di-New Zealand dahulu murid² kita di-sana saya dapati hampir² 500 orang daripada seluruh Malaysia termasuk Sabah, Sarawak, Singapura dan Malaya. Saya dapati tempat itu tidak ada mempunyai Hall di-mana pun di-Wellington tempat-nya besar ia-itu kepala negeri tetapi hall pun tidak ada. Dato' Menteri Keselamatan Dalam Negeri pun pergi dengan saya dan beliau juga boleh memberi jaminan tidak ada hall di-sana. Jadi nampak saya tempat² untuk budak² kita bersenang² untuk bermeshuarat dan untuk mereka ber-

mufakat tidak ada yang khas bagi mereka itu. Maka kerana itu saya merayu-lah kapada Menteri ini oleh sebab murid² kita yang pergi ka-New Zealand untuk berlateh patut-lah juga di-beri satu hall atau apa² untuk menolong murid² itu supaya di-sana mereka senang belajar. Di-sana ada tiga tempat yang budak² kita belajar—di-Wellington, Auckland, Dunedin. Tempat² ini-lah banyak budak² kita belajar dan saya harap-lah kalau tidak boleh buat di-tiga² tempat pun, buatkan-lah satu di-Wellington, Ibu Negeri New Zealand, supaya dapat kita sabuah Hall saperti Malaya Hall di-England.

The Minister of Education (Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan): Tuan Pengerusi, perbahathan berkenaan dengan Kementerian saya telah pun berjalan sa-lama tiga hari dan ramai Ahli² Yang Berhormat Dewan ini telah mengeluarkan pandangan² dan rayuan². Dan dari sa-tengah² pehak Pembangkang pula telah mengecham dan menudoh terhadap Kementerian saya. Ramai pula Ahli² Yang Berhormat telah berulang² membangkitkan perkara² yang sama. Memandang banyak perkara² yang di-katakan oleh Ahli² Yang Berhormat maka saya rasa, Tuan Pengerusi, sudah sampai-lah masa-nya untuk saya mendapat sa-batang tungkat hikmat yang akan membolehkan saya dengan sa-kelip mata dapat mendirikan bangunan² sekolah baharu, asrama² dan lain² dengan tidak memerlukan tenaga manusia atau wang ringgit untuk membena-nya. Bagaimana pun, Tuan Pengerusi, saya akan chuba menjawab perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu telah membangkitkan perkara berkenaan dengan guru² bagi Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Pelajaran Lanjutan. Ahli Yang Berhormat itu telah menyatakan perasaan risau-nya. Dengan penambahan susunan di-Maktab² Perguruan, maka mulai bulan Januari tahun hadapan, Sekolah Menengah Kebangsaan akan pada mula sa-kali-nya akan mendapat guru² yang terlateh khas untuk mengajar di-sekolah² itu. Di-antara mereka² dari

sa-banyak lebih kurang 140 orang itu ada-lah mereka² dari Maktab Perguruan Bahasa yang menerima latehan menjadi guru Sekolah Menengah melalui bahasa Melayu.

Soal mengadakan satu dua lagi Maktab Perguruan bahasa pengantar Melayu, sa-bagaimana di-harapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah soal yang sangat susah, kalau sa-kira-nya ada sa-chukup-nya mereka² yang berkelayakan menjadi pensharah² ilmu perguruan dengan menyampaikan kuliah dalam bahasa kebangsaan. Keadaan masa ini malang-nya jauh daripada demikian, tetapi berkeadaan seperti kata orang: "Selimut yang pendek", tarek ka-muka, terbuka kaki, dan terjulor di-gigit nyamok, tarek ka-bawah muka terbuka, di-gigit pijat². Berkenaan dengan Sekolah Pelajaran Lanjutan susunan-nya sedang di-kaji, tunggu-lah sahaja keputusan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh sa-malam juga telah membangkitkan tidak cukup kesempatan diberikan kepada permohonan mendaftarkan diri sa-bagai contractor hostel. Tuan Pengerusi, saya suka menyatakan bahawa peluang bagi pemohon² mendaftarkan diri kepada Kementerian sa-bagai contractor untuk hostel² maseh terbuka lagi. Ahli Yang Berhormat itu juga mengharapakan supaya pehak Dewan Bahasa dan Pustaka memulakan usaha menerbitkan buku² bagi Pelajaran Tinggi. Apa yang di-harapkan dan yang di-khuatirkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang juga di-selenggarakan. Pehak Kementerian saya termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka sedang menguruskan penterjemahan dan menerbitkan buku² ilmu alam, tawarikh, ilmu hisab dan lain² untuk di-gunakan di-darjah Pre-University di-tahun² pertama Pre-University class. Pehak Kementerian saya dan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak melupakan mustahak-nya mengadakan buku² ilmu pengetahuan yang demikian sekarang ini juga bagi menjamin meningkat-nya pelajaran tinggi, dan dengan chara yang demikian mendaulatkan Bahasa Kebangsaan sa-bagai Bahasa Kebangsaan. Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan perkara² berkenaan dengan pertukaran

guru. Kata-nya, jangan-lah hendak-nya di-sebabkan atas sebab² politik. Saya suka-lah menyatakan pertukaran guru² tidak di-asaskan kepada pehak mana guru itu bersandarkan politik-nya, tetapi dengan kehendak² perkhidmatan di-satu² sekolah, sa-terus-nya tidak pula mereka² yang bergiat dalam siasah tidak di-tukarkan. Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan Kementerian harus mengambil berat dan mengatasi kemiskinan murid² Melayu yang mengganggu pelajaran mereka, meminta tambahan biasiswa dan lain² lagi. Saya menguchapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat kerana membawa perkara yang menyedehkan berhubung dengan pelajaran orang Melayu khas-nya orang² kampung. Saya perchaya Yang Berhormat tahu akan gerakan Obor, yang tujuan-nya menggerakkan tenaga ibu bapa dan ra'ayat memberitahu peluang² pelajaran yang ada dan peluang biasiswa² dan di-samping itu menginsafkan ibu bapa akan tanggungjawab yang sama bagi membaiki pelajaran anak² mereka. Atas kesedaran dan azam pehak Kerajaan akan memberi bantuan maka di-sini saya beri angka² berhubung dengan biasiswa. Sa-belum Kerajaan Perikatan memegang tampok pemerintahan dahulu, Federal Minor Scholarship adalah sa-banyak \$500,000 pada sa-tahun, tahun ini ada-lah sa-banyak \$990,000 dan tahun hadapan telah di-tambah menjadi satu juta lima puloh ribu ringgit. Berkenaan dengan Pre-University Scholarship masa penjajahan dahulu \$150,000 sahaja, pada tahun 1963 \$450,000 dan bagi tahun ini 1964 ada peruntokan sa-banyak \$640,000. Untuk buku text masa dahulu \$400,000, tahun 1963 \$930,000, tahun 1964 \$980,000. Bagi biasiswa tinggi Higher Scholarship Bursary pada masa penjajahan dahulu tidak ada satu sen pun. Tahun 1963, \$1,324,000.00, tahun 1964 ini \$1,600,000.00. Ahli Yang Berhormat itu akan mendapati angka² dan wang bertambah banyak di-adakan sa-lain daripada mengadakan kemudahan² lain bagi anak² kampung seperti asrama, alat² bantuan mengajar dan sa-bagai-nya. Tetapi ini semua-nya tidak akan boleh memberi 100 peratus bantuan kepada 100 peratus murid² kampung. Dengan demikian tidak akan

dapat memadai dengan bantuan itu bahkan ibu bapa hendak-lah memberi kerjasama seperti mengadakan sarapan pagi, minum teh atau kopi dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Sabah Enche' Mohamed Din bin Banir adalah membangkitkan soal kekurangan guru² di-Sabah itu patut di-baiki, Education Officer post patut di-isi oleh pegawai tempatan yang berpengalaman. Tuan Pengerusi, bagi menjawab-nya suka-lah saya menyatakan, bahawa pertimbangan yang patut saya akan beri bagi menambah guru² yang terlateh untuk Sabah itu. Perkara mengisi jawatan Education Officer dengan pegawai² yang berpengalaman akan di-beri pertimbangan, jika dasar dan perinsip perkhidmatan membenarkan-nya. Ahli Yang Berhormat dari Bachok, telah membangkitkan soal buku² pelajaran di-Sekolah Kebangsaan dan lain². Berkenaan dengan buku² pelajaran suka-lah saya menyatakan tidak mungkin Kementerian saya memberi semua jenis buku² kepada semua murid². Usaha² sedang di-jalankan terhadap mengatasi soal buku mengikut ranchangan²-nya dalam masa dua tahun lagi. Soal² ini akan dapat di-baiki dan sa-lepas itu dapat di-hemati dan di-awasi lagi segala kekurangan itu. Apa yang saya katakan dahulu ada-lah berkenaan dengan basic text book, bukan semua jenis buku².

Berkenaan dengan soal kertas soalan bochor, Lembaga Pemereksaan ada-lah menjalankan segala usaha menjaga keselamatan kertas² peperiksaan itu. Berkenaan dengan sekolah pelajaran lanjutan pula apa yang di-kehendaki dan di-khuatirkan oleh Yang Berhormat itu ia-lah juga dalam perkara² yang telah di-kaji oleh Jawatan Kuasa Seko'ah Pelajaran² Lanjutan. Segala²-nya telah di-ambil perhatian oleh jawatan kuasa tersebut dan sekarang sedang di-kaji oleh Kerajaan. Mengenai Pelajaran Ugama dan akhlak, soal memberi semua kanak² dengan pendidikan akhlak ada-lah dalam kajian Jawatan Kuasa Penyemak Sukatan Pelajaran yang sekarang sedang bertugas. Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan ia-itu hanya 3/5 daripada guru² yang terlateh, dan bilangan

guru² ini harus di-tambah. Untuk menjawab-nya, itu-lah saya nyatakan saya dan Kementerian saya sedar akan kekurangan ini, munchul-nya masaalah ini bukan sahaja di-sebabkan keadaan yang kita warithi dari zaman sa-belum merdeka, tetapi di-tambah oleh bertambah-nya bilangan murid² di-sekolah², hasil daripada dasar pelajaran yang berjalan sekarang ini. Bagi mengatasi masaalah² ini Kementerian saya menguruskan sa-banyak 17 maktab² dan pusat² latehan yang mengeluarkan sa-banyak 3,500 orang guru² pada tiap² tahun. Sa-lain daripada usaha² mengeluarkan guru² baharu, maka Kementerian saya ada-lah menjalankan kursus dalam perkhidmatan ia-itu in-service courses yang tidak ada bandingan-nya dalam riwayat pelajaran negeri ini. Bagi keperluan sekolah menengah kebangsaan pula, saya akui sa-hingga hari ini keadaan perguruan-nya belum dapat memuaskan. Ini bukan di-sebabkan tiada tindakan dari Kementerian saya, tetapi hanya di-sebabkan segala ranchangan latehan guru mengambil masa dua tiga tahun. Mula² bulan January, 1964 ini hasil ranchangan melateh guru bagi sekolah² menengah kebangsaan akan bagi pertama kali-nya di-chipta dan sa-bilangan besar daripada guru² yang tamat latehan dari maktab² perguruan sekolah menengah Brinsford Lodge, Pulau Pinang, M.T.C. Kuala Lumpur dan Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur akan di-hantar mengajar ka-sekolah² menengah kebangsaan. Dengan penempatan itu maka dengan sa-kali gus guru² yang bekerja sementara di-sekolah itu dapat di-gantikan dengan guru² yang terlateh.

Yang Berhormat dari Muar Utara telah minta pehak Kementerian saya tidak berganjak dasar memajukan Bahasa Kebangsaan. Saya suka menyatakan dalam Dasar Kerajaan, dapat saya katakan di-sini memang tidak berganjak daripada dasar yang selalu di-nyatakan, tegas-nya dasar menjadikan bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan matlamat menjadikan Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa penghantar yang utama. Beliau juga telah menyatakan berkenaan dengan pelajaran tukang emas, bersolek dan kerinting rambut sa-bagai pelajaran

dalam sekolah² lanjutan. Shor-nya itu saya akan ambil perhatian dan timbangkan. Bulan Bahasa Kebangsaan dan kemajuan²-nya dan tindakan terhadap pegawai² yang chuai. Kemajuan Bulan Bahasa Kebangsaan memang di-kaji dan segala kekurangan diperhatikan. Bilek Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan di-dirikan. Kemajuan² itu dan segala² kekurangan akan lebih dapat di-chamkan. Tentang shor-nya supaya Dewan Bahasa dan Pustaka mengeluarkan kata² ugama dalam bahasa rumi itu akan di-timbangkan. Berkenaan dengan menambah bilangan anak² Melayu ka-universiti dengan memberi pertimbangan khas kepada penuntut Melayu yang mempunyai Grade II dan III, saya dapat menyatakan di-sini segala daya-upaya bagi menambah bilangan anak² Melayu di-universiti ada-lah di-timbangkan dan di-usahakan oleh Kementerian dengan bersungguh².

Yang Berhormat dari Dungun membangkitkan berkenaan dengan kawalan kepada sekolah private. Sekolah² private itu memang di-kawal oleh Undang² Pelajaran termasuk perkara mengenai isi pelajaran dan kelayakan guru², tetapi tidak-lah upaya Kerajaan mengawal pentadbiran sekolah² itu. Kalau keadaan sekolah² itu tidak memuaskan, maka terpulung kepada ibu-bapa menarek anak² mereka daripada sekolah itu, atau pun tidak menghantar anak mereka ka-situ dari mula-nya. Yang Berhormat dari Dungun juga telah meniadakan mengadakan aliran kebangsaan di-sekolah² jenis kebangsaan supaya dapat di-lekaskan beransor² dasar pelajaran kebangsaan. Perkara ini dua tahun dahulu telah kita mulakan dengan mengadakan aliran Bahasa Kebangsaan di-sekolah² Inggeris. Akan tetapi, malang-nya sambutan-nya tidak begitu baik. Perkara ini ada-lah di-dalam perhatian Kementerian Pelajaran. Berkenaan dengan bantuan buku² pelajaran di-sekolah, ini saya suka menegaskan di-sini ada-lah sentiasa dalam perhatian Kementerian saya; segala usaha di-fikirkan dan di-laksanakan sa-berapa yang boleh. Berkenaan siswa di-sekolah pembenaan semangat yang di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang

sa-benar-nya bukan sekolah pembenaan semangat (approved school) tetapi yang di-maksudkan di-sini ia-lah Outward Bound Schools bagi Leadership Course.

Yang Berhormat dari Lipis telah membangkitkan beberapa perkara seperti buku² pelajaran (text-book), menterjemahkan sastera, Bulan Bahasa Kebangsaan, asrama bagi murid² perempuan dan rumah² guru. Untuk menjawab-nya saya menguchapkan terima kaseh atas segala shor-nya itu. Shor-nya itu ada-lah bersamaan dengan langkah² dan usaha Kementerian saya. Sa-bagaimana harapan beliau itu maka demikian-lah juga sikap saya untuk melaksanakan semua-nya. Sa-lain daripada itu Ahli Yang Berhormat itu ada membangkitkan berkenaan dengan gaji guru di-sekolah kebangsaan yang mempunyai Sijil Pelajaran Persekutuan dan syarat berlateh sa-tahun. Perkara berkenaan dengan kenaikan gaji atau increment guru² yang telah lulus F.M.C. (Sijil Persekutuan Tanah Melayu), ada-lah sedang di-timbangkan oleh Kementerian. Keputusan atas syarat² kenaikan gaji akan di-buat dengan sa-chepat mungkin.

Yang Berhormat dari Temerloh meniadakan sekolah rendah Inggeris dan sekolah menengah kebangsaan di-adakan di-Temerloh. Kementerian saya tidak menerima apa² chadangan daripada Ketua Pegawai Pelajaran negeri Pahang. Chadangan Ahli Yang Berhormat itu akan di-siasat. Chadangan mengadakan sekolah menengah kebangsaan di-Temerloh telah di-masokkan ka-dalam rancangan Kementerian dalam tahun 1964 dan pekerjaan menubuhkan sekolah itu akan di-mulakan dalam tahun ini.

Yang Berhormat dari Melaka Utara telah membangkitkan berkenaan dengan pensharah² unit Melayu tidak chukup dan ada yang tidak di-panggil interviu, pendidekan kebudayaan timor kurang, pensharah Melayu hendak-lah di-adakan lagi di-Maktab Latehan Guru Ilmu Khas, Jalan Cheras, dan juga berkenaan dengan penterjemah di-Dewan Bahasa itu hendak-lah ber-pengalaman dan berkelulusan serta tentang gaji guru². Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat mengemukakan

bahawa pensharah unit Melayu tidak chukup. Ini saya akui. Ini ada-lah di-sebabkan sa-lama ini pemuda² kita tidak begitu tertarik menjadi guru sa-hinggakan bilangan guru yang berkelulusan sekolah menengah dan mendapat latehan perguruan sangat sadikit, sa-bagaimana yang saya katakan tadi kurang sangat orang Melayu—jadi macham cherita selimut pendek tadi. Sa-lagi pemuda Melayu termasuk mereka yang berijazah universiti enggan masuk menjadi guru sa-lama itu-lah kekurangan ini akan kita hadapi.

Berkenaan dengan Pemangku Pensharah dan sa-bagai-nya yang tidak di-panggil temu duga, maka ini ia-lah kuasa Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Berkenaan dengan didekan perbedzaan timur di-Maktab² Perguruan ini, perkara ini ada-lah di-chubakan dan berdikit² sedang di-usahakan. Keguanaan bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar di-Maktab² sedang di-usahakan. Ini tegas-nya bergantung kepada ada-nya lagi dengan banyak pemuda pemudi yang masuk berkhidmat dalam lapangan ini. Pehak Dewan Bahasa dan Pustaka memang sedar akan mustahak-nya segala penterjemahan itu dibuat oleh mereka² yang bukan sahaja berpengalaman dalam soal bahasa, tetapi juga berkelulusan.

Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, penterjemahan buku² Tawarikh, Ilmu Alam dan lain² bagi penggunaan peringkat tinggi ada-lah di-tugaskan kepada pehak Dewan Bahasa dan Pustaka ini ia-itu kepada mereka yang berijazah universiti. Ahli Yang Berhormat itu di-harap ma'alum akan hal ini, dan pehak Kementerian saya tidak dapat menahan guru² daripada mengadakan kesatuan masing². Ini hak mereka dari segi salah satu kebebasan yang di-beri kepada mereka; terpulang-lah kepada mereka sama ada akan bersatu atau tidak. Kementerian saya sentiasa menggalakkan mereka bersatu dalam satu persatuan sahaja.

Berhubung dengan kenaikan gaji, atau incremental scale bagi guru² Melayu yang lulus Sijil Pelajaran

Persekutuan Tanah Melayu, perkara ini telah di-ma'alumkan kepada Kementerian saya dan saya perchaya akan di-atasi dengan memuaskan. Pertimbangan sedang di-beri kepada soal gaji dan syarat² gaji bagi guru² semua golongan agar aman dan tenteram didalam pekerjaan-nya.

Bilek Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan peruntukan sa-banyak \$500 yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga. Sa-belum menjawab-nya, saya suka menyatakan ia-itu pada tahun 1963 kita telah mengadakan satu peruntukan wang sa-banyak \$35,000 untuk menubuhkan Bilek Gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan dan mengadakan alat²-nya sakali. Jadi, peruntukan yang sa-banyak \$500 ini bagi tahun 1964 ini ia-lah hanya untuk belanja² ronchit ia-itu saperti belanja talipon, taligram, stem dan sa-bagai-nya yang di-fikirkan menchukopi.

Ahli Yang Berhormat dari Jelesu Jempol telah membangkitkan berkenaan dengan pilehan naik pangkat di kalangan guru² Form VI, pilehan masuk Form VI. Pilehan naik pangkat—promotion ada-lah bergantung kepada beberapa perkara ia-itu kebolehan, pengalaman dan lama bekerja sa-saorang, dan tidak kepada sa-suatu perkara sahaja. Dari segi ini, sa-orang tua sa-bagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu tidak mungkin di-pilih, kalau tidak berkebolehan yang sesuai, atau pun sa-orang muda sa-balek-nya. Pilehan masuk Form VI ada-lah di-kawal rapi oleh Kementerian saya dan kemasokan murid² untuk menjaga keadaan kebimbangan ada-lah sentiasa dalam perhatian Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat menchadangkan supaya diadakan Pemeriksa Kira² ia-itu Auditors bagi buku² kira² sekolah.

Tuan Pengerusi, memang-lah Kementerian saya sedar betapa mustahak-nya di-adakan Pemeriksa Kira² itu dan 18 Auditors, atau pun Pemeriksa Kira² telah pun di-lantek saperti berikut:

Sekolah² Rendah bagi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang ada empat.

Kelantan, Pahang dan Trengganu ada dua.

Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan ada empat.

Johor dan Perak ada lapan.

Bagi Sekolah² Menengah, Buku Kira² Sekolah Menengah ada-lah di-pereksa oleh professional Auditors, atau Pemeriksa professional. Kementerian saya memikirkan bahawa bilangan Auditors itu patut-lah di-tambah.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara ada membangkitkan berkenaan dengan gaji guru dan taraf-nya dan di-sekolah² kebangsaan, menyibarkan hal penerangan berhubung dengan dasar pelajaran. Hal gaji dan taraf guru termasuk-lah sekolah² kebangsaan adalah dalam pertimbangan dan kajian. Gerakan yang demikian telah pun, sedang dan akan terus di-jalankan; ia itu Ahli Yang Berhormat harus tahu dan pernah mendengar tentang "Gerakan Obor".

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh menyatakan kebimbangan-nya kalau² mereka² (penuntut²) yang saramai 75 orang itu melalui pre-university course dalam bahasa Melayu akan menjadi kurban ia-itu mereka yang sekarang ini mengikut kursus di-Sekolah Alam Shah kalau sa-kira-nya buku² pelajaran yang chukup tidak diadakan. Pihak Ahli Yang Berhormat itu hendak-nya jangan-lah terlalu bimbang akan hal ini. Kementerian saya tidak bertujuan untuk menjadikan murid² itu menjadi kurban dan sambil mengaku bahawa masalah bahasa Melayu pada peringkat pelajaran tinggi itu memang banyak rumit, maka Kementerian saya sedang pun menjalankan usaha² bagi mengatasi masalah² ini dengan sa-chara dua jalan:

1. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka bersama² dengan Jabatan Universiti yang berkenaan sedang menguruskan penterjemahan buku² basic ia-itu buku² asas bagi satu² mata pelajaran.
2. Penuntut² itu di-baiki sa-berapa boleh bahasa Inggeris-nya bagi membolehkan mereka menjadikan bahasa itu alat menambahkan

ilmu, menyemak buku² reference dan majallah² professional.

Dengan dua chara itu Kementerian ini perchaya masaalah² kemajuan bagi murid² itu di-peringkat tinggi akan dapat di-atasi.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan menhadangkan supaya satu chara memberi pinjaman wang kepada penuntut² yang otak-nya bergeliga ia-itu baik, untok membolehkan mereka meneruskan pelajaran-nya. Tuan Pengerusi, Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini supaya satu chara untok menjalankan-nya dapat di-timbangkan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyatakan beberapa perkara yang patut di-perbaiki di-Malaya Hall, London, umpama-nya tentang perkakas² saperti kerusi, meja dan lain² yang ada di-situ. Memandang dari segi mustahak-nya bagi memperbaiki keadaan itu, maka wang sa-banyak \$51,424 telah pun di-untukkan dengan chara virement dalam bulan October tahun lalu ia-itu tahun 1963.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta saya menimbangkan supaya sekolah² kebangsaan di-beri sa-mula chuti puasa yang penoh dan dia meminta juga kepada Kementerian Pelajaran supaya menimbangkan buku² pelajaran di-sekolah² Inggeris supaya tidak selalu di-tukar, juga menimbangkan supaya di-adakan satu ranchangan memberi pinjaman wang kepada pelajar² untok pergi menyambong pelajaran tinggi di-luar negeri sabagaimana yang di-nyatakan tadi.

Tuan Pengerusi, dukachita saya nyatakan bahawa tidak-lah dapat saya menerima shor yang pertama tadi ia-itu bagi mengembalikan sa-mula chuti puasa sa-chara penoh kepada sekolah² kebangsaan sahaja. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu sendiri sedia ma'alum bahawa bulan puasa kita itu ada-lah berganjak dari sa-tahun ka-satahun, bahkan bulan puasa bagi tahun Hijrah ini akan di-mulakan pada pertengahan bulan hadapan ia-itu bulan January ini. Oleh itu, saperti shor Ahli Yang Berhormat itu, maka berma'ana-lah penggal sekolah kita akan

berganjak dan pepereksaan akan sentiasa berubah sa-hingga akan mengganggu kelichinan pentadbiran pelajaran dalam negeri ini.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, soal buku. Sa-bagai Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum satu jawapan bertulis telah pun saya berikan dalam meshuarat kali ini, menerangkan bahawa Kementerian saya telah pun menjalankan tindakan bagi mengatasi masalah yang tersebut berhubung dengan penukaran buku² selalu di-buat pada tiap² tahun di-sekolah². Mengikut tindakan yang di-jalankan itu, guru² di-sekolah tidak di-benarkan menukar satu² buku melainkan sa-kurang²-nya tiga tahun sa-kali; itu pun dengan kebenaran Ketua Pegawai Pelajaran. Di-harap dengan langkah yang di-ambil ini, masalah yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat di-atasi. Hasil dari pengalaman tahun 1964 ini maka tindakan yang sesuai akan di-ambil untuk mengatasi-nya dan kalau perlu peratoran² akan di-buat bagi perkara tersebut.

Perkara yang ketiga, berhubung dengan pinjaman wang kepada penuntut² untuk belajar ka-luar negeri, ranchangan ini dalam penimbangan.

Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah membangkitkan isi² buku pelajaran sekolah sa-bagai kurang sesuai dan sa-tengah-nya patut di-tapis, Sekolah seni negara patut diadakan meliputi ukir-mengukir, University of Malaya harus bersipat National, pepereksaan kertas jawapan bahasa Melayu untuk mereka² yang berfahaman tua dan sharat kenaikan darjah Form IV melalui Sijil Rendah pelajaran dilancarkan pada tingkatan III juga. Tuan Pengerusi, dalam usaha mengadakan buku² yang sesuai pada isi dan nilai-nya sa-bagai mengatasi kesulitan yang berpuluh tahun sa-lama ini dialami oleh sekolah² kebangsaan, maka tidak-lah dapat di-atasi semua masalah² dan kekurangan ini dengan sa-kali gus tetapi dengan chara beransor² segala kekurangan termasuk kekurangan isi² buku di-perchayai akan dapat di-atasi. Penilaian terhadap buku² yang digunakan di-sekolah atau pun yang di-

terbitkan oleh Kementerian saya sendiri, Kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan orang ramai. Ini ada-lah langkah yang di-utamakan kerana Kementerian saya tidak upaya mengadakan satu Lembaga Penapis buku² sekolah sa-bagaimana yang di-shorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana bukan satu dua sekolah yang ada dalam negeri ini tetapi 5,000 lebeh banyak-nya. Dan bukan pula sa-buah buku hendak di-tapis tetapi 20, 30 buah bagi tiap² satu sekolah. Maka jelas-lah penapisan buku bukan-lah satu perkara yang mudah. Bagaimana pun Kementerian saya akan terus mengadakan peratoran² berhubung dengan memilih buku² pelajaran di-Khutub Khanah bagi bacaan murid² sekolah. Dengan chara yang demikian Guru² Besar akan terus berhati² supaya tidak memilih buku² yang berlainan dengan keperchayaan ugama, adat resam kaum² negeri ini. Ini semua-nya di-ambil di-samping tindakan yang di-jalankan bagi buku² yang tidak sesuai itu pula di-minta penerbit² mengeluarkan buku² yang lebeh sesuai lagi.

Berkenaan dengan perkara yang kedua tadi, satu Jawatan-kuasa telah pun di-buat oleh Kerajaan bagi mengkaji sekolah seni negara. Saya dapat memberi tahu di-sini, sa-bagaimana yang di-jelaskan di-dalam Penyata Jawatan-kuasa Penyemak Pelajaran tahun 1961, sekolah tersebut akan mengajar segala rupa dan bentuk seni ia-itu sama ada berupa ukiran, tarian dan lain²-nya. Berkenaan dengan perkara yang ketiga tadi supaya menjadikan University of Malaya bersipat National, sa-benar-nya memang itu-lah tujuan Kementerian saya. Langkah ini terpaksa beransor² di-jalankan tetapi telah mula di-jalankan. Perkara yang ke-empat, tidak-lah benar saperti mana kata Yang Berhormat itu chalon² yang menjawab soalan bahasa Melayu menggunakan chara moden tidak diluluskan. Kata-nya pemereksa² itu ada-lah terdiri dari fikiran² tua ia-itu berkehendakkan perkataan² saperti "serbermula" "hatta" "sha'dan" dan sa-bagai-nya. Sa-benar-nya pemereksa² itu ada-lah terdiri juga dari gulongan² sarjana bahasa yang baharu dan sa-terus-nya.

Perkara yang akhir-nya, berkenaan dengan melancarkan kenaikan mereka² yang berpangkat tiga mendapat juga kenaikan LCE. Itu tidak-lah dapat dijalankan demi kepentingan murid² itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara. Gambaran Yang Berhormat itu berkenaan dengan darjah Sekolah Menengah Kebangsaan ia-itu kekurangan yang di-hadapi oleh Guru² Besar yang kurang sesuai dan sa-bagai-nya, itu memang ada. Masaalah darjah Sekolah Menengah itu terus menerus di-kaji oleh Pegawai Kementerian saya dan segala usaha membaiki hal itu sedang di-jalankan.

Penubohan Lembaga Penyiasat Pelajaran Negeri ada-lah sedang di-usahakan. Oleh sebab beberapa masa-lah yang tidak dapat di-elakkan maka perkara itu tidak dapat di-panjangkan tetapi perkara itu tidak lama lagi akan dapat di-selesaikan.

Layanan yang sama untuk Sekolah² Kebangsaan bagi mendapatkan kerani dan sa-bagai-nya, itu ada-lah bergantong kepada kedudukan kewangan dan perkara itu ada-lah dalam perhatian kita.

Berkenaan dengan keadaan pengajaran agama di-Sekolah Kebangsaan serta pula lantekan² di-sekolah Mission itu ada-lah perkara yang boleh di-baiki lagi keadaan-nya. Saya akan terus chuba membaiki keadaan² itu dengan segala kuasa yang ada pada saya.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Lipis; sa-belum saya menjawab Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara, ada beberapa perkara ia-itu beliau ada menyebutkan berkenaan dengan peluang kepada guru² Sekolah Kebangsaan yang lulus Sijil Persekutuan mendapat gaji \$310 dan lebeh. Ada di-antara ahli² itu menyatakan khuatiran-nya, bahawa dengan ada-nya chara ini tidak menguntungkan kepada guru² tua. Untuk menjawab-nya, saya menyatakan kedudukan perkara itu kalau boleh saya jelaskan ia-lah guru² S.I.T.C., M.W.T.C. dan T.U.O.S. yang lulus Sijil Pelajaran Persekutuan akan di-beri gaji \$310. Dalam tangga gaji \$310 sampai \$560 dengan syarat mendapat kenaikan

tingkatan gaji \$310 ka-atas itu bergantong-lah kepada guru² tersebut untuk melalui kursus. Oleh sebab yang demikian ini ada-lah peluang terbuka kepada semua guru² tua atau pun muda untuk meningkat gaji ka-\$560 berbanding dengan hari ini hanya \$450 pada Superscale S.I.T.C., M.W.I.T.C. dan T.U.O.S. Masaalah ini ia-lah peluang pada guru² itu melalui kursus yang di-sharatkan. Perkara ini sedang di-timbulkan oleh pehak Kerajaan dengan tujuan mengadakan segala kemudahan kepada guru² yang berkenaan yang meningkat gaji \$310 kepada \$560.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh mengshorkan supaya di-adakan sa-buah Lembaga Pemilih bagi biasiswa supaya tidak ada pileh kaseh. Tuan Pengerusi, berhubung dengan pemilihan biasiswa, Ahli Yang Berhormat itu ta' usah-lah khuatir ada-nya pileh kaseh, ini ada-lah di-sebabkan kurangnya kemajuan bagi persekolahan chalon² itu.

Bagi semua biasiswa² ada Lembaga Pemilih-nya, biasiswa Federal itu ada Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam dan Federal Minor Scholarship ada Lembaga Pemilih Negeri yang terdiri daripada wakil ra'ayat, wakil dari Pejabat Pelajaran, shor mereka itu menjadikan panduan bagi Kementerian saya memutuskan-nya. Berkenaan dengan pelajaran tinggi Islam itu ada-lah didalam pertimbangan Kementerian saya.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Jitra Padang Terap supaya di-adakan Maktab Perguruan Urusan Rumah Tangga dan Kindergarten. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu mengemukakan supaya Maktab Perguruan Khas bagi guru² agama dan guru² urusan rumah tangga, saya suka-lah menyatakan, sunggoh pun tidak ada Maktab Perguruan Khas bagi melateh guru² tersebut, tetapi tidak-lah berma'ana Kementerian ini tidak melateh guru² yang demikian. Bagi melateh guru² agama, Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan pehak Kolej Islam, melateh guru² agama bagi Sekolah Menengah dan Kementerian saya bekerjasama melateh guru² agama bagi sekolah² rendah. Bagi melateh urusan rumah tangga

pula ada latehan guru di-beri di-Maktab Perguruan Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Maktab Perempuan Khas, pada tiap² tahun ada guru² yang terlatah khas bagi mengajar urusan rumah tangga. Bagaimana pun bila keadaan membenarkan di-masa² hadapan segala shor² Yang Berhormat itu akan di-pertimbangkan. Saya dukachita menyatakan tidak upaya mengadakan wang pelajaran bagi kanak² kechil ia-itu Kindergarten, kerana yang mustahak itu-lah patut di-dahulukan, mengadakan pelajaran pada peringkat menengah ada-lah dari segi ini di-utamakan oleh Kerajaan sa-bagaimana dasar melanjutkan pelajaran kapada tingkatan umur 15 tahun.

Sir, I shall now deal with some of the points brought up by Honourable Members who spoke in English. The Member for Seberang Selatan requested the Ministry to give an indication as to what the recommendations of the Secondary Continuation Schools Committee are; he also requested that the detailed results of the M.S.S.E.E. be given to teachers and parents and that in implementing the automatic promotion an extra year's grace be given during the primary school course so as to enable the pupils to make up for their shortcomings instead of the system allowing such pupils to repeat them another year. He wanted the Ministry to support a social security scheme for teachers and he also requested for information regarding higher education planning.

Sir, in reply to the various points brought up by the Honourable Member for Seberang Selatan, I would like to state that I regret that I am not able to indicate to the Honourable Member at the moment what the recommendations of the Secondary Continuation Schools Committee are. I can assure the Honourable Member, however, that these recommendations are now under active consideration by Government and, if and when they are accepted, it will bring about certain changes in our educational set up and programme. I will have some more to say about this later. In regard to the M.S.S.E.E. results, parents and teachers are already provided with

sufficient indication of the performance of the pupils when the Ministry categories the results as Grade I, II and III with indications that all those with these gradings will be given places in secondary schools and those without any of these gradings will be given places in the secondary continuation schools. I regret to say that the Ministry cannot reveal more than this because it is the belief of the Ministry that the issue of detailed results will lead to more harm than good. As regards automatic promotions and the sandwiching of the extra year during the primary school course, I can assure the Honourable Member that this suggestion will be given consideration. As regards a social security scheme for teachers, I realise the dissatisfaction of certain teacher groups over the terms and conditions of the unified teaching service and I can assure the Honourable Member that a social security scheme for all teachers will be given consideration and study by my Ministry. My Ministry is fully aware of the need to increase the facilities for technology and scientific education and the need to provide the technicians and technologists to man our expanding industries. For this purpose I have indicated many times in this House that the Government has already appointed a Higher Education Planning Committee and, as I indicated in my speech introducing the estimates, it is hoped to submit its report some time during the middle of next year.

The Honourable Member from Tanjong referred to the concern over the stand taken by the Federal Government representative on the Singapore University Council in connection with the resignation of Dr Sreenivasan, which, in his opinion, infringes the academic freedom of the university. To this, Sir, my reply is that the Singapore Government is represented by three members on the Council of the University of Singapore and the Federal Government is represented by one member. Matters brought up before the University Council, of which the resignation of Dr Sreenivasan was one of the items, were within the absolute discretion of the University Council to decide, and the decision was made by

the University Council. It may be pointed out here that Singapore has autonomy in education. In the circumstances, I cannot see in which way could he say that there was any infringement on the academic freedom of the university on the ground that the Federal Government's representative took a stand which he thought was not the one to take. The Honourable Member from Seberang Selatan also raised this question of university autonomy. I wish to state also to the House that the Government has always accepted the autonomy of our university, but the Government cannot permit such autonomy to be used as a shield behind which activities prejudicial to the interests of the nation can be carried out.

The Honourable Member from Seberang Selatan also requested the Government to appoint an all party educational committee to consider and resolve matters of education. Now, this House, as the Member is aware, has already accepted a national education policy, which I can say is Malaysian in character—it is not Malay, Chinese or Tamil. This is the best policy under our political, social, economic and cultural set up and if all sections want to realise a Malaysian policy of education, then this is the one.

The Honourable Member for Tanjong also raised the question of lack of co-ordination between the State Chief Education Officers and the Ministry Headquarters; and he also raised the same question about University academic freedom which I have already explained. In regard to this allegation of lack of co-ordination between State Chief Education Officers and the Ministry of Education, I would like to say that the suggestion of the Honourable Member is noted and every effort will be made to bring about closer co-ordination between my Ministry Headquarters and State Chief Education Officers. For this purpose, action has in fact already been taken in my Ministry to reorganise the Ministry Headquarters and the State Education Offices in order to bring them instead to a definite expansion of our national system of education.

The Member from Sarawak, Enche' Edmund Langgu anak Saga, suggested that teachers in Grade IIIA serving in the rural areas should be sent for training overseas. In reply thereto, I would state that I will seek the views of the State Governments on this matter.

The Honourable Member from Sarawak, Enche' Sim Boon Liang, inquired whether State Advisory Boards on Education in Sarawak are to be formed; and he also suggested that the Scheme for Group Supervisors should be raised to those of Teachers. In reply to the first question, I would state that I will seek the views of the State Governments on this matter. In regard to the other matter, I will look into this matter, too.

In reply to the Member for Bagan about constant changes of teachers and the establishment of a Sixth Form class in the High School, Bukit Mertajam, I would like to assure the Honourable Member that it is the Ministry's policy to stabilise the staffing of schools, but implementation of this measure is not possible in all cases because of the need to redistribute fairly the trained teachers amongst all schools, and especially to the rural areas. This defect is the legacy of the past and can only be solved by time. With regard to the Sixth Form class, these classes cannot be established in all Secondary Schools, not only is that this is not possible physically on account of staffing, but also because such a thing has yet to be statistically proved. The Higher Education Planning Committee, amongst other duties, will study the need to expand Sixth Form education as a feeder of our higher educational institutions. The Honourable Member also requested that a new building be provided for a Tamil school at Prai. This question raised by the Honourable Member is one which concerns the Development programme as many Honourable Members have already raised questions in this very House. I can assure the Honourable Member that his suggestion will be considered along with other proposals in order of priority. The Honourable Member also raised the question of the need to

advertise and re-advertise Headships and Senior Assistants and he wondered why that should be so. Sir, I would like to point out here that such advertisements and re-advertisements are not the result of any whim or fancy of my Ministry, but because of the consciousness of my officers to ensure that the school does get the most suitable person to be its headmaster. Much as my Ministry would like to ensure the interests of the teachers, it has at heart more the interests of the pupils in the school to receive the best of leadership from the best headmaster that could be available. The Honourable Member also raised the question of salaries and the confirmation of Headmasters of Chinese Secondary Schools. In answer thereto, I would like to assure the Honourable Member that the matter is being given active consideration by the Government. Lest the House assumes wrongly that the problem is as simple as it looks, I must say here that the confirmation of headmasters involves a number of basic issues, both service and professional, which are not too easy to solve without adversely affecting the existing principle and practice and might cause discontentment amongst the other members of the teaching profession, and also the lowering of the standard of education in this country.

The Member for Port Dickson has complained about the poor conditions of the estate schools and the need to replace Malay school buildings which are over 50 years old. He also raised the question of Indian teachers for Secondary Schools, the lack of trained National Language teachers, and the transfer of teachers away from their home town when they are still young thereby causing undue hardship. Sir, I am fully aware of the need to replace these old Malay school buildings, for that matter any school building, but much as I would like to carry out this capital work, it has not always been possible to carry it out as soon as a request arrives because of both financial and physical incapacity to carry out such projects together with other educational expansion projects resulting from our realistic approach towards

education as a nation-building factor. In regard to Indian teachers for Secondary Schools, teachers of Tamil for Secondary Schools are given training in the existing colleges. With regard to the third matter, i.e., the lack of trained National Language teachers; I have been enforcing the policy requirements of the National Language as compulsory at the M.S.S.E.E. and the L.C.E. levels, taking into consideration the situation in which the National Language is taught in our schools. These considerations have led to determining an appropriate pass mark. Such considerations will continue to be given for so long as this is necessary in the light of the progress attained in the teaching of the subject. In regard to the constant transfers of teachers mentioned by the Honourable Member, I would like to say that this question of transfers and postings of teachers has too often been raised in this House in spite of answers given to them in the past. My Ministry however and wherever possible tries to post teachers to their home States or to States of their preference. But this is not always possible because of the specific needs of schools in certain areas, and to ensure fair distribution of teachers all over the country, including the West and the East coast. When such a problem arises my Ministry extends a priority consideration to the latter. That is to the good of the pupils and the schools. The needs of States and schools can rest on the presence of teachers. Sir, I cannot understand what the Honourable Member meant by the undesirability of posting such teachers when they are still young. To me, for a young country like ours, it is the young men and women who should be more adventurous and have the pioneering spirit. Without this in our teachers, then we are going to produce lamb-hearted generations.

The Honourable Member for Sarawak, Enche' Song Thian Cheok, has asked for the extension of the school leaving age and said that free primary education be extended to Sarawak. Sir, on the question of free primary education in Sarawak, as I have stated in reply to an oral question in this House

a few days ago, this matter requires further study by the Central Government. The same reply applies to the question of the extension of the school leaving age.

The Honourable Member for Sepang has said that the provision in respect of the Maktab Pertanian, Serdang, has been reduced from \$543,020 for 1963 to \$529,713 for 1964. This provision is to meet the Personal Emoluments and the O.C.A.R. of the College. The amount entered in the Estimates is the bid made by the College. The question of providing capital funds is the responsibility of the Ministry of Agriculture and Co-operatives and not that of my Ministry.

Another Honourable Member from Sarawak, Enche' Dagok anak Randen, raised the question of cooks. He has suggested that the provision of \$50,955 under this item be increased, that the provision of \$220,000 under Boarding Subsidies be increased to \$250,000 that the provision of \$26,500 for School Broadcasting Service be increased and that the provision in respect of Local Scholarships should not be reduced (in other words, probably be increased). He has enquired whether Aided School teachers are eligible for the educational allowances. Now, in regard to his first suggestion, the provision entered in the Estimates is as requested by the Director of Education who thinks that this is sufficient for 1964. In regard to the Boarding Subsidies, the provision for 1964 is \$220,000 and this amount is double the 1963 provision. This compares with \$6,000 in 1961 when the scheme started and \$41,000 spent last year. The sum of \$220,000 is now requested by the Director of Education who is satisfied that it is sufficient for 1964. The School Broadcasting Service has expanded quite a lot since it first started. Consideration will be given to further expansion as the need arises. In regard to Local Scholarships, the provision for Local Scholarships and Boarding Subsidies should be taken together. In some cases scholarships to a native student takes the form of assistance for his boarding fees. It will be seen that the provisions for Local Scholarships and Boarding Subsidies

together show an increase over 1963 and a substantial increase over 1962. In regard to Educational Allowances, these allowances are paid to Government teachers whose children are sent to schools away from the stations in which they serve. Aided school teachers are not eligible for educational allowances.

Sir, the Honourable Member for Pulau Pinang Utara suggests that there is a real need for a Students Centre in Perth. In reply to him, I would like to state that provision for the acquisition of suitable premises for a Students Centre in Perth was provided for the first time in the 1962 Development Estimates. This was repeated in 1963. It is true that the Ministry has received proposals from the Director of the Malayan Students Department, Australia, in regard to the purchase of a certain building for this purpose. But as the proposal was not supported by the High Commissioner, no further decision could be made on that matter. The Ministry agrees that a Students Centre in Perth is desirable and this is why appropriation for this is again included in the 1964 Development Estimates. It is hoped that the new Director, Malayan Students Department, Australia, will be able to submit a suitable proposition on this matter in 1964 for consideration of my Ministry.

The Honourable Member for Pulau Pinang Utara has also raised the question of the teaching of the English language in Chinese primary schools and has expressed the fear that because of (a) non-teaching of English in Standards I and II and (b) cutting down the period for the teaching of English by more than two-thirds than what it was before the introduction of the School (Courses of Studies) Regulations, 1959, the chances of such pupils succeeding in national-type secondary schools (English medium) will therefore be limited. Sir, the School (Courses of Studies) Regulations, 1959 provide for the teaching of the National language from Standard I and the teaching of English from Standard III. If, as the Honourable Member has requested, English is also taught from Standard I,

then it will be most unsound professionally to burden the Chinese Primary school pupils at such a tender age of six-plus, during their first two years of primary school life, to learn three languages, namely, Chinese as the medium of the school, the National language as prescribed under the School (Courses of Studies) Regulations and, in addition to this, English as proposed by the Honourable Member. It is, therefore, in the interest of the pupils themselves not to be burdened with the learning of three languages at such an early age, because it might, instead of having a good effect which the Honourable Member seems to desire, on the other hand, cause an adverse effect on the mental growth of such a young mind.

In regard to the restoration of the period of the teaching of Chinese to the one prevailing at the time of the introduction of the national education system and of the introduction of the Schools (Courses of Studies) Regulations—the minimum weekly teaching periods—I regret to say that this cannot be done. Provision for the learning of English had to be reduced as it is not consonant with the national policy of teaching Malay as the National language and also in order to meet the minimum requirement for the teaching of other four subjects. If the request of the Honourable Member is acceded to, the effect will be that such action will not be conducive towards the growth and development of the teaching of the National language which the Honourable Member and others have complained much against as being insufficient and, moreover, such action will be incompatible with the efficacy of the Common Content Syllabus as a nation-building factor in our national system of education. As such, in the interest of the pupils themselves so as not to be burdened more than professionally viable with the learning of more than two languages in the first two years of primary school life, in the interest of the growth and development of the National language itself and in the interest of the ultimate objective of making the National language the main medium of instruction and the

efficacy of the Common Content Syllabus as the national unifying factor, the suggestions of the Honourable Member, I regret, I am not able to accept.

The Honourable Member for Pulau Pinang Utara stated also that the officials of my Ministry are implementing the Government education policy according to their own interpretation. Sir, the implication then is that these officers are not honestly implementing the Government policy but merely doing so arbitrarily. Sir, I now wish to inform the House that I have every confidence in my Ministry officials in implementing the policy laid down by the Government to the best of their ability. I have also been described by the Honourable Member as a sticker to rules and regulations. Sir, certainly the Honourable Member knows that rules and regulations are made to be observed. Why have these rules been made, if they are not to be observed? Am I not expected to adhere to these regulations which have been made with my approval? If I am not expected to do that, we might as well not have these regulations. Therefore, Sir, so long as these regulations are in force, it is my duty to ensure that they are being adhered to.

The Member for Kluang Selatan has asked why free textbooks are given to Malay pupils only and why not extend this to Chinese pupils also, why there is no Chinese as an examination subject in the L.C.E. and the H.S.C. levels, and also he has asked about equal treatment to all schools, including financial assistance. Sir, the Honourable Member is misinformed, when he said that supply of free textbooks is to Malay pupils only and not to others—that is Chinese and Indians. The policy, Sir, is to supply free textbooks to pupils of *sekolah² kebangsaan*, and there is no restriction at all for pupils of all races to avail themselves of this free supply of textbooks, if they were to join *Sekolah² kebangsaan*, irrespective of whether he is a Malay, Chinese or Indian pupil. Therefore, if they wish to avail themselves of this opportunity, by all means join *sekolah²*

kebangsaan. If non-Malay parents wish to avail themselves of this opportunity of free textbooks, then the choice is for them to send their children to these schools.

In regard to Chinese as a subject of examination at the L.C.E. and H.S.C. levels, again, the Honourable Member is misinformed. Chinese, Sir, is a subject in all our public examinations—L.C.E., F.M.C.E.—and with special arrangement with the Cambridge Education Syndicate at the School Certificate and the Higher School Certificate levels. The Honourable Member raised the question of equal treatment to all schools. I can assure the Honourable Member that, subject to the provision of the Constitution, such a policy of equal educational treatment is in force and effected by this Government; and in regard to equal treatment financially, I am sure there are still only a few more, not more than a dozen, particularly assisted Chinese primary schools. These schools have not as yet been given full assistance because of the schools themselves failing to meet the requirements and conditions for conversion: for example, inadequate buildings, and they include, proximity to existing fully assisted schools. Now, as regards per capita grants, all schools are given equal treatment.

The Member for Alor Star has mentioned about the staffing of the Sultan Abdul Hamid College being insufficient, the provision of Sixth Form places, Chinese school teachers on the conversion of such secondary schools losing their jobs, or receiving less pay, and also the teaching of English in Standard I and Standard II, has probably been wrongly interpreted.

In regard to the first one, the Sultan Abdul Hamid College is not the only school with untrained teachers. This is, in fact, the rule today and not the exception in Malaya. I will not be surprised that in respect of trained and untrained teachers, the proportion in the College is comparatively high compared to other less fortunate schools. In regard to Sixth Form places, such pupils could obtain places elsewhere in Penang and so forth.

Now, in regard to Chinese school teachers on conversion of such secondary schools losing their jobs and getting less pay, the inference is that the Honourable Member has alleged that by such conversion the secondary Chinese school teachers were penalised by salary and so forth. I must deny here such allegation, and for those who doubted the Government's attitude in this, I invite them to read the Scheme of salaries for serving teachers in such converted schools, where not only those who are entitled are given a definite salary scale, and given a salary not lower than what they received at a certain date, but also for the first time their livelihood is safeguarded. Now, I agree that there are some teachers who lost, out on such schools being converted, but these are the non-entitled teachers. The livelihood of these non-entitled teachers, the Government cannot, of course, promise to safeguard. In regard to the teaching of English in primary schools, I have already spoken just now.

The Honourable Member for Seremban Timor suggested the introduction of Comprehensive Schools and also preparation of National-type secondary schools for courses in the Chinese Studies Department of the University. Sir, the question of introduction of Comprehensive Schools is receiving the active consideration of the Government. I mentioned this when I spoke on the secondary continuation schools just now. Now, a Committee of senior officials of my Ministry went through into this question—quite some time now—and have submitted a full report to the Government. I did mention about this also to this House. The Cabinet has set up a special Cabinet Committee to consider the financial implication involved, if such change is necessary. It should be emphasised that should the proposal to establish Comprehensive Schools is accepted by Government, the present M.S.S.E. Examination will also be automatically abolished.

Now, in regard to the question of National-type secondary schools, and

